



# پلیتا برونئی

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 SUBUH 4.56 SYURUK 6.15 DUHA 6.37 ZUHUR 12.23 ASAR 3.31 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.38 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 104

28 OGOS 2024 / 1446 صفر 23

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

مانیسش ایمان

"BAHAWASANYA orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertakwah kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya kamu beroleh rahmat".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10.



## NBD - MALAYSIA BINCANG KERJASAMA DUA HALA, ISU SERANTAU, ANTARABANGSA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 6)

## Terus kukuhkan hubungan kerjasama, teroka peluang baharu

Oleh : Haniza Abdul Latif,  
Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengadakan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia yang diadakan dalam suasana mesra, yang menandakan ikatan persahabatan berkekalan antara kedua-dua negara dan rakyatnya.

Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara NBD dan Malaysia berlangsung di Istana Nurul Iman.

Dalam Kenyataan Bersama, kedua-dua pemimpin menyambut baik peristiwa penting yang diraikan tahun ini, termasuk Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Malaysia Ke-40; Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara NBD

dan Malaysia; dan juga Ulang Tahun Ke-15 Penandatanganan The Exchange of Letters antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri Malaysia.

Kedua-dua pemimpin juga menzhirkan kegembiraan mereka dengan usaha berterusan untuk meningkatkan hubungan baik antara kedua-dua negara sejak pertemuan terakhir mereka semasa kunjungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kuala Lumpur bagi menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim pada 20 Julai 2024.

Pemimpin-pemimpin kedua-dua negara juga menyambut baik Keberangkatan Rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Malaysia pada 17 hingga 21 Ogos 2024 bagi memperkuuh persahabatan dan hubungan

yang amat dihargai antara rakyat dan negara.

Bagi mengingat kembali pencapaian-pencapaian penting ini, kedua-dua pemimpin mengesahkan semula komitmen mereka untuk lebih mengukuhkan ikatan persaudaraan dan kerjasama yang kukuh di bawah mekanisme dua hala masing-masing dalam bidang kepentingan bersama, dengan tujuan untuk menerokai peluang-peluang baharu untuk kerjasama, meningkatkan kerjasama strategik, dan menangani cabaran bersama bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin turut menekankan nilai *high-level engagements* dalam memperkuat ikatan persaudaraan antara NBD dan Malaysia, serta menggariskan pentingnya meningkatkan hubungan antara manusia melalui pelbagai inisiatif seperti pertukaran pelajar, program latihan, kerjasama dalam bidang budaya dan sastera, serta promosi bahasa Melayu.

>> Muka 7



## Berita Utama



PERDAGANGAN NBD - Guangxi serlah pertumbuhan ekonomi

Muka 8



MANFAATKAN kuasa teknologi digital

Muka 10



MOOT tingkatkan kesedaran timbang tara

Muka 17



RENCANA KEKALKAN tradisi, budaya Puak Murut melalui aktiviti menyumpit

Muka 21

# Buktikan kemampuan, profesionalisme dalam menggalas amanah diberikan

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh,  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafai  
Anbiyaie Wal Mursalin,  
Sayyidina Muhammadin Wa'ala  
Alihi Wasabihbi Ajma'in**

**B**ERSYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga kita semua dapat hadir ke Majlis Perbarisan sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei, pada hari ini.

Pasukan Polis Diraja Brunei telah melakar satu sejarah penting pada 4 Ogos 1974, dengan Pengambilan Pertama Skuad Polis Wanita seramai 30 orang. Penubuhannya telah memberi peluang kepada mereka untuk berganding bahu bersama Polis Lelaki dalam menjaga keselamatan dan keamanan di negara ini. Pada 4 Ogos tahun ini, genaplah usia 50 Tahun Penubuhan Polis Wanita. Sepanjang lima dekad tersebut, jumlah keanggotaannya telah meningkat kepada 774 orang, terdiri daripada 52 pegawai dan 722 anggota pangkat rendah.

Saya berbangga dan bersyukur ke

hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan perkembangan penglibatan Polis Wanita. Bermula daripada menyediakan khidmat bantu sehingga fungsi mereka meluas kepada berbagai bidang lainnya, termasuk yang berkaitan dengan kaum wanita dan kanak-kanak. Pencapaian tersebut membuktikan kemampuan dan profesionalisme Polis Wanita dalam menggalas kepercayaan yang diamanahkan dan melayakkan mereka untuk memegang jawatan-jawatan penting dalam pasukan.

Secara amnya, Polis Wanita mampu membuktikan keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai visi dan misi pasukan demi keselamatan negara. Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan yang telah dicapai, kemahiran dan menaik taraf pengetahuan perlu dipertingkatkan lagi melalui pembangunan kapasiti seperti mengikuti berbagai kursus dan latihan yang berkaitan dengan kepolisan, demi untuk menangani bermacam jenayah yang pada masa kini semakin kompleks dan canggih.

Alhamdulillah, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan tetap

komited menuju Wawasan 2035, iaitu ke arah mencapai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya serta negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan. Kaum wanita juga diberikan peluang yang sama dalam pembangunan negara. Sehingga kini, penglibatan Polis Wanita dalam tugas-tugas kepolisan terus berkembang secara progresif selaras dengan aspirasi negara.

Kepada Polis Wanita yang sedang berkhidmat, saya menyeru untuk mereka terus menjalankan tugas dengan gigih, amanah dan memiliki semangat berpasukan tinggi bagi meningkatkan lagi imej polis di mata masyarakat. Disiplin menjadi teras dan tiang kejayaan dalam berpasukan dan harus dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi.

Saya tidak lupa juga untuk menzahirkan penghargaan kepada mantan Polis Wanita. Jasa-jasa dan sumbangan mereka akan sentiasa dikenang. Mereka sedikit sebanyak telah menjadi sumber inspirasi kepada generasi masa kini.

Akhirnya, saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Ulang Tahun Jubli Emas kepada semua Polis Wanita di negara ini, sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berkenan mengurniakan sabda pada Upacara Perbarisan dan Majlis Santap Pagi sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, PPDB yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, PPDB, pada Sabtu, 24 Ogos 2024.**

telah bersara. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua Polis Wanita atas segala khidmat dan pengorbanan yang dicurahkan demi melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Sumbangan Polis Wanita sepanjang 50 tahun ini telah meningkatkan kedudukan wanita secara keseluruhannya dalam masyarakat. Semoga segala usaha dan sumbangan ini memperoleh keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga. Sekian.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## SIDANG PENGARANG Kepentingan menjaga alam sekitar agar kekal bersih

**M**ENJAGA kebersihan alam sekitar sangat penting untuk mengekalkan ekosistem dan habitat yang sihat. Oleh itu, *kitani* semua hendaklah sentiasa menitikberatkan perihal kebersihan alam sekitar. Alam sekitar yang bersih menyumbang kepada keadaan kehidupan yang sihat dan nyaman. Hal ini kerana alam sekitar yang di dalamnya terdapat hutan belantara, bukit-bukit dan lautan merupakan habitat atau tempat tinggal kepada flora dan fauna yang menyumbang kepada sumber kehidupan manusia. Sebagai contoh, pokok-pokok yang menyerap karbon dioksida dan melepaskan gas oksigen yang diperlukan oleh darah *kitani* untuk kekal hidup.

Oleh itu, proses alam semula jadi ini tidak boleh diganti dengan kemajuan sains mahupun teknologi yang *kitani* kecapi pada hari ini. Sebaiknya *kitani* hendaklah berusaha memastikan ekosistem yang selama ini tempat *kitani* bergantung sebagai sumber bekalan oksigen serta sumber yang lain hendaklah dikenalkan untuk kelangsungan generasi masa hadapan. Dengan yang demikian, setiap pihak memainkan peranan yang serius terhadap isu perubahan iklim dan memastikan alam sekitar sentiasa terjamin untuk kemaslahatan semua makhluk di muka bumi ini.

Semua makhluk tidak kira manusia, binatang ataupun tumbuh-tumbuhan semuanya amat bergantung pada sumber-sumber semula jadi di muka bumi ini. Oleh yang demikian, Allah Subhanahu Wata'ala melarang kita melakukan sebarang kerosakan di muka bumi ini sama ada kerosakan kepada jiwa, harta benda dan alam sekitar. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qasas, ayat 77 tafsirnya :

*"Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan".*

Kita sebagai manusia yang dikurniakan akal hendaklah memakmurkan, memanfaatkan serta menjaga bumi dan alam sekitar kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan selayaknya, bukan melakukan kerosakan, pencemaran dan kemuadian.

Sesungguhnya pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaian manusia itu sendiri.

Jika diamat-amati, kehidupan sehari-hari *kitani* banyak menggunakan bahan-bahan plastik yang mempunyai banyak manfaat tetapi akibat terlalu bergantung kepada bahan tersebut, ia telah mengakibatkan kesan negatif terhadap alam sekitar, sosial, ekonomi dan kesihatan di seluruh dunia. Penggunaannya yang tidak terkawal boleh membawa kepada pencemaran alam sekitar apabila ia dibuang atau dibakar dengan sesuka hati.

Oleh yang demikian, untuk mengekalkan dan memelihara alam sekitar agar sentiasa indah dan damai, semua pihak memainkan peranan penting untuk menjaga kebersihan serta melindungi alam sekitar daripada apa jua bentuk pencemaran dan kekotoran. Oleh itu, marilah *kitani* sama-sama mengamalkan kebersihan dalam kehidupan agar Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara yang indah, bersih dan bebas daripada sebarang penyakit dan marabahaya. - Ketua Penyuntingan (Rd)

Ogos MASIHI	HARI	Safar HIJRAH	IMSAK		SUBUH		SYURUK		DUHA		ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK				
			28	RABU	23	4 . 46	4 . 56	6 . 15	6 . 37	12 . 23	3 . 31	6 . 28	7 . 38	29	KHAMIS	24	4 . 46	4 . 56	6 . 15	6 . 37	12 . 22
30	JUMAAT	25	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 22	3 . 29	6 . 27	7 . 37	31	SABTU	26	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 22	3 . 28	6 . 27	7 . 37
1	AHAD	27	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 21	3 . 28	6 . 26	7 . 36	2	ISNIN	28	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 27	6 . 26	7 . 36
3	SELASA	29	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 25	6 . 26	7 . 35											

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C	32 26 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

[www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا برونى

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# SANTAP TENGAH HARI RAIKAN PERUNDINGAN TAHUNAN KETUA-KETUA KERAJAAN KE-25



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia. Berangkat sama ke Majlis Santap Tengah Hari tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas kiri, atas kanan dan bawah).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia.

Majlis Santap Tengah Hari berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Santap Tengah Hari tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta kerabat diraja yang lain.

Turut menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ialah Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas; Mohammad Hasif Matzin

Utama Haji Mohamad bin Hasan; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz; Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambyr bin Abd Kadir; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek; Timbalan Premier Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Tengah Ali Hasan; Timbalan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Tuan Adam Adli bin Abd Halim; dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator

Dr. Zulkifli bin Hasan.

Majlis Santap Tengah Hari berkenaan dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada penghujung acara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzahirkan ucapan selamat bertolak kepada Yang Amat Berhormat.

Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan antara NBD dan Malaysia telah diadakan secara bergilir-gilir sejak tahun 1997 di mana para pemimpin kedua-dua buah negara berbincang untuk meluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, pendidikan, pertahanan, pelancongan, kebudayaan, sukan dan kesihatan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.**



**ANTARA** yang hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kanan, kanan sekali dan atas).



## NBD, MALAYSIA METERAI PERTUKARAN NOTA, MOU

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Turut berangkat, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Ogos. - Satu Penandatanganan Pertukaran Nota dan dua penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia dimeterai hari ini, yang berlangsung di Baitul Mesyuarat, Istana Nurul Iman, di sini.

Penandatanganan tersebut berlangsung sejurus selesai Majlis Perjumpaan Empat Mata di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri


Malaysia bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Pertukaran Nota dan MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Kerajaan Malaysia.

Turut berangkat menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Penandatanganan dimulakan dengan Exchange of Notes at the Ministerial Level to make joint progress in Sector F-G, yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohammad bin Haji Hasan.



>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Pertukaran Nota dan Memorandum-memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Kerajaan Malaysia (atas dan kanan).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Turut berangkat, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

#### >> Muka 4

Setelah itu, majlis diteruskan dengan Penandatanganan MoU between the Government of Brunei Darussalam and the Government of Malaysia on Phase

One of the Joint Demarcation and Survey of the Land Boundary between Brunei Darussalam and Malaysia for Sector D - E, Specific Sections in Sector C - D, Sector E - F, Sector K - L and Part of Sector J - K in the Vicinity of Jambatan Persahabatan and Block B in the Vicinity of Brunei Bay.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Kerajaan Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha di Kementerian Luar Negeri, Yang Berbahagia

Dato' Sri Amran Mohamed Zin, dalam kapasiti mereka sebagai Pengurus-pengerusi Jawatankuasa Bersama Persempadanan Darat Brunei Darussalam - Malaysia.

Sementara itu, Majlis Penandatanganan MoU on Cooperation in the Field of Transport pula disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri

Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohammad bin Haji Hasan, bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Kebawah DYMM seterusnya berangkat bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke Baiturrahmah untuk menghadiri Majlis Santap Tengah Hari.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah (atas). Sementara gambar kiri, Majlis Penandatanganan dimulakan dengan Exchange of Notes at the Ministerial Level to make joint progress in Sector F-G, yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohammad bin Haji Hasan.



**MAJLIS** Penandatanganan MoU between the Government of Brunei Darussalam and the Government of Malaysia on Phase One of the Joint Demarcation and Survey of the Land Boundary between Brunei Darussalam and Malaysia for Sector D - E, Specific Sections in Sector C - D, Sector E - F, Sector K - L and Part of Sector J - K in the Vicinity of Jambatan Persahabatan and Block B in the Vicinity of Brunei Bay (kiri). Manakala gambar kanan, Majlis Penandatanganan MoU on Cooperation in the Field of Transport disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohammad bin Haji Hasan bagi pihak Kerajaan Malaysia.

# NBD - MALAYSIA BINCANG KERJASAMA DUA HALA, ISU SERANTAU, ANTARABANGSA




**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (kanan), manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berbual mesra bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul



semepna Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan

Empat Mata bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Cheradi Ratna Kenchana.

Semasa Majlis Perjumpaan Empat Mata tersebut, kedua-dua pemimpin telah berbincang mengenai langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala, khususnya perkembangan

dalam melaksanakan Exchange of Letters, iaitu satu perjanjian yang dimeterai di antara NBD dan Malaysia pada tahun 2009.

Kedua-dua pemimpin juga telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama kepada kedua-dua buah negara.

## Berkenan menerima mengadap |

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Selasa, 27 Ogos. - Duli Yang

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, berlangsung di Qashr Al-Meezaan, hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik tersebut menerima Surat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie dan Duta Besar Istimewa Eve Lubin (atas dan bawah kiri).

Watikah Pelantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie dan Duta

Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Eve Lubin.

Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke Negara Brunei Darussalam tersebut telah menyembahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024.



# TERUS KUKUHKAN HUBUNGAN KERJASAMA, TEROKA PELUANG BAHARU


**>> Muka 1**

Para pemimpin seterusnya menyatakan kepuasan atas kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan The Exchange of Letters pada tahun 2009, yang tetap penting dalam memajukan kerjasama strategik kedua-dua negara dan mendorong para pegawai untuk terus melaksanakan perjanjian tersebut melalui dialog konstruktif dan saling memahami.

Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin menyambut baik hasil Perjampaan Ke-25 antara NBD dan Malaysia mengenai Implementation of the Exchange of Letters yang diselenggarakan pada 12 Ogos 2024 di NBD serta hasil 3rd Meeting of the Joint Malaysia-Brunei Darussalam Land Boundary Committee yang diselenggarakan pada 11 Julai 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Para pemimpin turut berasa senang dengan penandatanganan The Exchange of Notes pada peringkat Menteri yang mencerminkan komitmen kuat kedua negara untuk membuat kemajuan bersama signifikan dalam bidang-bidang yang utama, khususnya Sektor F-G, dengan secepatnya.

Kedua-dua belah pihak juga menyambut baik jadual kegiatan yang disepakati dalam The Exchange of Notes dan berharap dapat menentukan kata putus pada 31 Mei 2025 dan bagi kedua belah pihak menyelesaikan pemetaan dan kaji selidik Sektor F-G pada 31 Mei 2027.

Kedua-dua pemimpin juga gembira dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan NBD dan Kerajaan Malaysia mengenai Fasa Pertama Demarkasi Bersama dan Ujian Ukur Sempadan Tanah antara Brunei Darussalam dan Malaysia untuk Sektor D-E, bahagian khusus dalam Sektor C-D, Sektor E-F, Sektor K-L dan sebahagian Sektor J-K di kawasan Jambatan Persahabatan dan Blok B di kawasan Teluk Brunei.

Dalam Kenyataan Bersama yang dinyatakan, kedua-dua pemimpin juga mengakui bahawa penandatanganan dokument-dokumen tersebut menandakan kemajuan yang dicapai dalam demarkasi bersama dan ujian ukur sempadan tanah antara kedua negara sejak 2012, menandakan langkah maju lain dalam hubungan teguh NBD dan Malaysia.

Kedua-dua pemimpin menyatakan kepuasan mereka dengan kerja yang cemerlang oleh Jawatankuasa Teknik Bersama mengenai Demarkasi dan Ujian Ukur Sempadan Tanah antara NBD dan Malaysia mengenai kemajuan yang signifikan yang telah dicapai dalam kerja-kerja ujian ukur dan demarkasi bersama setakat ini, dengan mencatatkan bahawa jarak total sebanyak 175.966km, setara dengan 33.3 peratus dari jumlah sempadan tanah, telah di demarkasi.

Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin meminta agar kedua-dua pasukan teknikal untuk menjalankan latihan demarkasi bersama dan ujian ukur dengan segera, terutamanya di kawasan-kawasan keutamaan seperti di Sektor A-B, Sektor F-G dan Sektor G-H, dengan matlamat menyelesaikan semua kerja menjelang tahun 2034.

Kedua-dua pemimpin turut mengambil maklum mengenai Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kerja Mengenai Hal Ehwal Keselamatan Berkaitan dengan Sempadan Darat Brunei Darussalam - Malaysia yang diadakan pada 1 Julai 2024 di

Oleh : Haniza Abdul Latif,  
Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Putrajaya, Malaysia.

Dalam Kenyataan Bersama, para pemimpin juga mengambil maklum mengenai perbincangan berterusan antara pegawai-pegawai kedua-dua negara untuk menangani bersama hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan di sepanjang sempadan antara NBD dan Malaysia dan menantikan hasil yang akan dibincangkan lebih lanjut oleh Jawatankuasa Sempadan Darat Bersama NBD - Malaysia.

Kedua-dua pemimpin seterusnya menggesa kedua belah pihak untuk meneruskan perkongsian di bawah platform ini, menekankan kepentingan meningkatkan komunikasi dan perkongsian maklumat di kalangan agensi penguat kuasa yang berkaitan, serta mencari cara untuk memerangi aktiviti haram di sepanjang sempadan, selaras dengan Terma Rujukan Jawatankuasa Kerja tersebut.

Kedua pemimpin juga berasa berpuas hati atas kemajuan yang berterusan oleh PETRONAS dan Petroleum Authority of Brunei Darussalam melalui kerjasama di Commercial Arrangement Areas (CAA) dan Production Sharing Agreements (PSA).

Kedua-dua pemimpin menyatakan pentingnya meningkatkan kerjasama ekonomi yang lebih erat antara NBD dan Negeri Sabah dan Sarawak.

Kedua-duanya mendorong penerokaan peluang pelaburan lebih lanjut antara lembaga-lembaga yang terkait, serta memperkuat kerjasama di pelbagai sektor termasuk pelancongan dan pertanian untuk kepentingan bersama rakyat kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin mengalaukan pembangunan hubungan perniagaan dan komersial yang lebih kukuh melalui penubuhan Majlis Perniagaan Bersama NBD - Sabah dan Majlis Perniagaan Bersama NBD - Sarawak.

Para pemimpin juga menantikan pembukaan The Sarawak Trade and Tourism Office (STATO) di Bandar Seri Begawan pada tahun ini, yang akan meningkatkan kerjasama pelancongan dan menggalakkan interaksi yang lebih besar antara NBD dan Negeri Sarawak.

Kedua-dua pemimpin berharap hubungan ekonomi yang lebih erat melalui penanaman padi komersial dan integrasi ternakan, memanfaatkan sumber pertanian Sarawak dan penjenamaan Halal Brunei Darussalam.

Ini akan menyumbang kepada peningkatan keselamatan makanan, rantaian bekalan yang berdaya tahan dan akses pasaran.

Para pemimpin dalam Kenyataan Bersama mengalaukan kemajuan yang dicapai dalam merealisasikan projek kuasa rentas sempadan sambungan antara Lumut, Kuala Belait dan Tudan, Miri, yang bertujuan untuk memastikan bekalan tenaga yang stabil dan juga mewujudkan peluang untuk perdagangan kuasa dua hala antara Negara Anggota ASEAN.

Kedua-dua pemimpin mengiktiraf perbincangan berterusan mengenai pelaburan dalam bidang-bidang yang saling menguntungkan di bawah MoU antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority - MIDA) dan Agensi Pelaburan Brunei (Brunei Investment Agency - BIA) yang ditandatangani pada 25 Januari 2023.

Kedua-dua pemimpin juga berpandangan bahawa pelaburan yang berpotensi dalam bidang-bidang berkenaan akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bersama yang lebih besar.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga menggalakkan usaha kerjasama baharu untuk memacu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperluas peluang pekerjaan di kedua-dua negara, khususnya melalui inisiatif yang dipacu oleh sektor swasta.

Seterusnya, kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan pertukaran pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pertanian antara kedua-dua negara ke arah menjamin sekuriti makanan.

Kebawah DYMM merakamkan penghargaan atas kursus-kursus latihan pertanian yang disediakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Malaysian Agricultural Research and Development Institute - MARDI) untuk pegawai teknikal Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (Department of Agriculture and Agrifood - DOAA) NBD yang telah membantu memajukan Sektor Pertanian NBD.

Kedua-dua pemimpin juga mengharapkan kerjasama pertanian berterusan demi manfaat kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin mengalaukan komitmen mereka, untuk memastikan keamanan dan keselamatan serantau, khususnya, melalui kerjasama pertahanan dan ketenteraan yang cemerlang antara NBD dan Malaysia, termasuk pengendalian mesyuarat dua hala, pertukaran aktif dan program latihan.

Selain itu, kedua-dua negara pemimpin turut memuji sumbangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam usaha pengaman mereka yang telah lama bertapak di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (United Nations Interim Force in Lebanon - UNIFIL).

Kedua-dua pemimpin gembira dengan penyertaan berterusan oleh pegawai pertahanan dalam inisiatif seperti 18th Defence Services Asia (DSA) dan 3rd National Security Asia (NATSEC) di Kuala Lumpur, Malaysia dan dalam Solidariti Jump dan Ekspo Pertahanan ABDB sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-63 pada 1 Jun 2024 di Bandar Seri Begawan.

Dalam Kenyataan Bersama berkenaan, kedua-dua pemimpin mengesahkan semula komitmen mereka untuk terus memperkuuh kerjasama di bawah pelbagai mekanisme pertahanan yang diteraju ASEAN, termasuk Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ASEAN Defence Ministers' Meeting - ADMM) dan ADMM-Plus dalam menangani cabaran dan ancaman tradisional dan bukan tradisional.

Kedua-dua pemimpin mengambil maklum hasrat memperbaikuar MoU kerjasama bidang pendidikan tinggi, teknikal dan vokasional serta memuji kerjasama berterusan antara institusi pendidikan di NBD dan Malaysia, termasuk dalam menyediakan peluang biasiswa dalam pendidikan tinggi, menggalakkan program pertukaran dan mobiliti dalam kalangan pelajar dan kakitangan akademik serta dalam meneroka kerjasama lanjut dalam kerjasama teknikal dan vokasional.

Di samping itu, kedua-dua pemimpin mengesahkan semula komitmen mereka untuk mengukuhkan lagi kerjasama bidang kesihatan dan mengambil maklum perbincangan berterusan untuk memperbaikuar MoU mengenai kerjasama kesihatan, yang ditandatangani pada 2006.

Kedua-dua pemimpin juga menggariskan komitmen mereka untuk meningkatkan kesalinghubungan serta memudahkan pergerakan barang

dan orang ramai, dan dalam hal ini, gembira dengan pemeteraian MoU mengenai kerjasama dalam bidang pengangkutan.

Kedua-dua pemimpin memuji hubungan rakyat dengan rakyat yang kukuh yang bercirikan ikatan persaudaraan yang berakar ubi antara kedua-dua negara, terutamanya melalui aktiviti sukan.

Sehubungan dengan itu, kedua-dua pemimpin mengalaukan penandatanganan MoU antara Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) dan Outward-Bound Trust of Malaysia pada 1 November 2023, yang bertujuan untuk menyokong belia dalam membangunkan kemahiran kepimpinan.

Para pemimpin mencatatkan kemajuan signifikan yang dicapai semasa Mesyuarat Dua Hala Ke-3 antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (National Disaster Management Centre - NDMC) NBD dan Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan Malaysia (National Disaster Management Agency of Malaysia - NADMA) yang diadakan dari 2 hingga 5 Julai 2024 di Pulau Pinang, Malaysia.

Kedua-dua pemimpin mengalaukan perbincangan dalam menuhubukkan Kumpulan Kerja Pengurusan Bencana (Disaster Management Working Group - DMWG) dan turut mengiktiraf sokongan Malaysia melalui Pasukan Bantuan dan Penyelamat Khas Malaysia (Special Malaysian Disaster Assistance and Rescue Team - SMART) untuk membantu NBD dalam menjalankan latihan penilaian untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat NBD bagi mendapatkan Klasifikasi Luar (External Classification - IEC) Kumpulan Penasihat Mencari dan Menyelamat Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations' International Search and Rescue Advisory Group - INSARAG).

Para pemimpin turut mengiktiraf penubuhan Jawatankuasa Bersama di bawah MoU Mengenai kerjasama dalam bidang Hekahiman Syariah, yang merangkumi perkongsian asas penghakiman mahkamah Syariah.

Kedua-dua pemimpin juga mengalaukan penandatanganan Memorandum Kerjasama Kehakiman pada Mac 2024 bertujuan untuk mengukuhkan komunikasi, kolaborasi dan kerjasama dalam isu-isu yang berkaitan dengan pengelakan dan penyelesaian pertikaian, termasuk bidang pentadbiran mahkamah, teknologi mahkamah dan pendidikan dan latihan kehakiman.

Kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen mereka untuk mengukuhkan kepusatan dan perpaduan ASEAN (ASEAN Centrality and Unity) dalam menegakkan keamanan, kestabilan dan pembangunan serantau di tengah-tengah ketidaktentuan serantau dan antarabangsa.

Di samping itu, para pemimpin juga mengesahkan semula komitmen teguh kerajaan masing-masing untuk merealisasikan Komuniti ASEAN yang berasaskan peraturan, berorientasikan rakyat, berpaksikan rakyat di bawah Wawasan Komuniti ASEAN 2025 dan untuk melaksanakan sepenuhnya dan berkesan visi Komuniti ASEAN 2045 sebaik sahaja diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada Mei 2025 di bawah Pengerusi ASEAN Malaysia.

Dalam hal ini, Kebawah DYMM menyatakan sokongan penuh NBD terhadap Pengurusan Malaysia dalam ASEAN pada 2025 dan berharap dapat bekerjasama rapat dalam menyampaikan faedah sosioekonomi yang ketara kepada rakyat ASEAN.

Para pemimpin membincangkan

perkembangan terkini di Myanmar dan menyatakan keimbangan mendalam mengenai keganasan dan situasi kemanusiaan yang berterusan di negara berkenaan.

Kedua-dua pemimpin mengulangi pendirian bersatu bahawa Konsensus Lima Perkara (Five-Point Consensus - 5PC) kekal sebagai rujukan utama ASEAN, untuk menangani krisis politik di Myanmar dan seterusnya menggesa pelaksanaan penuh dan berkesan 5PC oleh semua pihak, di samping mengesahkan komitmen mereka, untuk bekerjasama rapat dengan ASEAN dan rakan kongsi luar yang lain, termasuk PBB untuk menggalakkan kemajuan dalam pelaksanaan 5PC secara keseluruhannya, selaras dengan Kajian dan Keputusan Pemimpin ASEAN mengenai Pelaksanaan Five-Point Consensus, dengan matlamat akhir untuk mencari penyelesaian yang aman dan kekal lama, demi kepentingan rakyat Myanmar.

Kedua-dua pemimpin menyatakan keimbangan yang mendalam terhadap situasi yang teruk di Timur Tengah dan mengutuk pembunuhan beramai-ramai dan pencerobohan yang berterusan di Semenanjung Gaza oleh Kuasa Pendudukan, yang mengakibatkan bencana kemanusiaan yang besar dan kehilangan nyawa yang tidak berdosa.

Para pemimpin menggesa masyarakat antarabangsa untuk bekerjasama, dalam menamatkan pencerobohan dan kemasuhan yang berterusan, untuk mengelakkan penyebaran konflik ke rantau yang lebih luas, dan juga menyeru semua pihak, untuk merundung gencatan senjata segera dan kekal di Semenanjung Gaza, untuk mencapai keamanan, keselamatan dan kestabilan yang berkekalan di rantau ini.

Kedua-dua pemimpin kekal dalam solidariti dengan rakyat Palestin dalam perjuangan mereka untuk keamanan, kebebasan dan hak yang tidak boleh dipisahkan untuk penentuan nasib sendiri, dan menekankan bahawa penyelesaian yang adil dan berkekalan kepada konflik Israel - Palestin hanya boleh dicapai dengan cara yang aman, atas dasar undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan undang-undang hak asasi manusia serta Resolusi PBB yang berkaitan.

Para pemimpin berkenaan mengesahkan sokongan penuh mereka untuk penubuhan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan sebelum 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kotanya.

Kebawah DYMM juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia serta ucapan tahniah kepada kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia sempena Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-67 pada 31 Ogos 2024.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan hasil perbincangan mereka dan menyatakan komitmen untuk memajukan hubungan dan kerjasama dua hala. Pemimpin juga menekankan kepentingan pelaksanaan Pertukaran Surat yang berterusan.

Para pemimpin bersetuju untuk mengadakan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 di Malaysia pada 2025.

# PM MALAYSIA BERLEPAS MENINGGALKAN NBD



**PERDANA MENTERI MALAYSIA, YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM** berlepas meninggalkan negara ini selepas menghadiri Perundungan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia diiringi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Menteri Pengiring (kanan) manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II mengucapkan selamat baylor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin

**BERAKAS**, Isnin, 26 Ogos. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta rombongan berlepas meninggalkan negara ini petang tadi selepas menghadiri Perundungan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia.

Sebelum menaiki Pesawat Khas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia melintasi Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Yusof.

Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Pengiring; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir bagi mengucapkan selamat baylor ialah Pesuruhjaya

Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

## Perdagangan NBD - Guangxi serlah pertumbuhan ekonomi



**YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** bergambar ramai pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama (Joint Cooperation Committee - JCC) Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi (Brunei-Guangxi Economic Corridor - BGEC) Ke-4.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**JERUDONG**, Isnin, 26 Ogos. - Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama (Joint Cooperation Committee - JCC) Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi (Brunei-Guangxi Economic Corridor - BGEC) Ke-4 diadakan di The Empire Bunei.

Hadir pada mesyuarat tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Setiausaha Jawatankuasa Parti Komunis China (PKC) Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Tuan Yang Terutama Liu Ning serta Pengurus Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China (PRC).

Yang Berhormat dalam ucapan perasmianya menyatakan MOU BGEC Dinaik Taraf, yang ditandatangani tahun lepas telah membuka lebih banyak potensi

untuk kerjasama.

BGEC memainkan peranan penting dalam memupuk rantaian nilai bekalan yang dinamik antara Negara Brunei Darussalam (NBD), China dan negara-negara ASEAN yang lain.

Yang Berhormat seterusnya menekankan pertumbuhan yang ketara dalam perdagangan antara NBD dan Guangxi pada tahun ini, mencerminkan kekuatan dan daya tahan perkongsian, dan memuji inisiatif Syarikat Pelabuhan Muara yang telah meningkatkan perhubungan serantau dengan ketara.

Yang Berhormat juga menggalakkan lebih banyak FDI berkualiti untuk melabur dalam sektor utama, iaitu makanan, hiliran minyak dan gas, pelancongan, perkhidmatan dan ICT.

BGEC akan terus menjadi instrumen penting dalam mengukuhkan perkongsian

ekonomi antara Brunei dan China.

Mesyuarat JCC BGEC Ke-4 terus mengkaji kemajuan BGEC sejak penubuhannya pada tahun 2014, membincangkan rancangan kerja

masa depan dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan dua hala untuk kemakmuran bersama dan seterusnya menekankan semula untuk penyampaian utama

yang akan disampaikan menjelang 2025.


Setiausaha Agung Bersama BGEC dari NBD seterusnya mengulangi bahawa BGEC boleh memainkan peranan penting dalam mempercepatkan agenda kepelbagaian ekonomi Brunei.

Turut hadir pada Mesyuarat JCC BGEC Ke-4 ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.



**MESYUARAT JCC BGEC Ke-4** terus mengkaji kemajuan BGEC sejak penubuhannya pada tahun 2014, membincangkan rancangan kerja masa depan dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan dua hala untuk kemakmuran bersama.

# BDCB TERBITKAN BSI JULAI 2024

**Keadaan Perniagaan**

**Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Julai 2024.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar

dari pada 11 Sektor Ekonomi di kesemua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan

berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI, iaitu sub-indeks Kedamaian Perniagaan adalah 50.0 bagi Julai 2024. Perniagaan-perniagaan secara amnya menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Julai 2024 berbanding dengan Jun 2024, dengan prestasi yang berbeza mengikut jenis sektor.

Acara-acara dan promosi berkaitan dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meningkatkan permintaan bagi barang dan perkhidmatan.

Beberapa perniagaan berpandangan optimistik, manakala sebahagian perniagaan mengongsikan keimbangan terhadap prestasi yang lembap dengan jangkaan peningkatan dalam aktiviti melancong ke luar negeri semasa Hari-hari Kelepasan Awam pada hujung minggu.

Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 50.3, menunjukkan para peniaga menjangka peningkatan dalam produktiviti dan prestasi pada Ogos 2024 disebabkan faktor-faktor, seperti keadaan cuaca yang bertambah baik dan projek-

BSI Julai 2024	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.0
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.6

projek baharu.

Sub-indeks Pelaburan adalah 50.0 bagi Julai 2024, 50.2 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan.

Secara amnya, para peniaga merancang untuk mengekalkan tahap pelaburan pada Julai 2024, terutamanya disebabkan mesin dan peralatan yang mencukupi untuk projek-projek dan operasi yang sedang berlangsung.

Bagi beberapa bulan yang akan datang, para peniaga merancang untuk meningkatkan pelaburan bagi pembinaan kemudahan baharu, pemindahan dan pengubahsuai premis perniagaan, pembukaan cawangan baharu, dan pembelian mesin dan peralatan baharu.

Sub-indeks Pengambilan Pekerja adalah 50.2 bagi Julai 2024 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan trend seperti sebelumnya, para peniaga mengongsikan usaha berterusan dalam pengambilan pekerja untuk memenuhi keperluan operasi mereka dan mengantikan pekerja yang telah menamatkan perkhidmatan.

Sub-indeks Kos Perniagaan adalah 50.0 bagi Julai 2024 dan 50.6 bagi satu bulan ke hadapan. Para peniaga menjangka kos perniagaan akan meningkat pada Julai 2024, khususnya kos berkaitan dengan tenaga kerja.

Walau bagaimanapun, kos penyelenggaraan yang lebih rendah bagi beberapa syarikat bersaiz besar telah menurunkan Sub-indeks Kos Perniagaan secara menyeluruh.

Bagi Ogos 2024, kebanyakan perniagaan menjangka peningkatan berterusan dalam kos perniagaan, termasuk kos penyelenggaraan dan pembayaran gaji, selaras dengan usaha untuk menambah tenaga kerja.

Dari segi Sektor Ekonomi, tiga daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada Julai 2024. Sektor Hotel dan Restoran menunjukkan sentimen tertinggi dengan indeks 50.3 disebabkan peningkatan permintaan dan promosi berkaitan

dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sektor perkhidmatan lain dan kewangan serta insurans menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan peningkatan dalam permintaan produk dan perkhidmatan.

Sementara itu, Sektor Pembuatan, Minyak dan Gas serta yang berkaitan, pembinaan, harta tanah dan pemilikan kediaman dan pengangkutan serta komunikasi melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti Jun 2024.

Tiga sektor pula merekodkan sentimen pesimistik bagi Julai 2024, iaitu Sektor Kesihatan dan pendidikan, pertanian, perhutanan, perikanan dan ternakan, serta perdagangan borong dan runcit.

Sentimen berkenaan dikaitkan dengan jangkaan aktiviti pasaran yang perlana disebabkan oleh aktiviti merentas sempadan semasa Hari-hari Kelepasan Awam.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, secara amnya, perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Julai 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya mengambil kira projek-projek yang masih berlangsung.

Sentimen optimistik yang dikaitkan dengan acara-acara dan sambutan pada Julai telah diimbangi oleh unjuran kelembapan permintaan daripada pengguna yang dijangka akan melancong ke luar negeri.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn).

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

## Penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.9 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Laporan Akhir Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023 yang berasaskan data muktamad daripada kajian berkenaan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Laporan berkenaan memberi maklumat lebih terperinci mengenai tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam seperti taraf pekerjaan, jenis kegiatan ekonomi dan pekerjaan, Sektor Pekerjaan, jam bekerja dan pendapatan daripada pekerjaan.

Laporan Akhir KTK 2023

menunjukkan peningkatan penduduk bekerja berumur 18 tahun dan ke atas sebanyak 2.9 peratus, meningkat dari 209.9 ribu pada 2022 kepada 216.0 ribu pada 2023.

Peningkatan berkenaan merangkumi kenaikan sebanyak 3.2 peratus pekerja di sektor awam dan 2.9 peratus pekerja di sektor swasta.

Lebih daripada separuh (57.0 peratus) pekerja tempatan berkhidmat di sektor swasta, dengan 43.0 peratus bekerja di sektor awam.

Majoriti pekerja tempatan bekerja dalam Perkhidmatan Awam (28.0 peratus), diikuti oleh aktiviti perdagangan borong dan runcit (13.8 peratus) dan pendidikan (12.2 peratus).

Mengikut jenis pekerjaan, pekerjaan sebagai perkhidmatan dan jualan menyumbang sebanyak 23.5 peratus, pekerjaan sebagai profesional 21.1 peratus dan pekerja sokongan perkeranian 14.7 peratus.

Purata jam biasa bekerja bagi pekerjaan utama menurun kepada 45.8 jam dalam seminggu berbanding dengan 46.2 jam pada tahun sebelumnya, disebabkan oleh pengurangan purata jam biasa bekerja di sektor swasta terutamanya dalam kalangan pekerja tempatan.

Laporan Akhir KTK 2023 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara berkenaan, hubungi JPES melalui talian +673 7469844 (waktu pejabat), e-mel : [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn) atau laman sesawang : [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).

### LABOUR FORCE SURVEY 2023

Labour Force Framework, Brunei Darussalam, 2023  
Aged 18 years and over



# MANFAATKAN KUASA TEKNOLOGI DIGITAL



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika berucap pada majlis berkenaan.**

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**GADONG**, Isnin, 26 Ogos. - Persatuan Juruukur Bahan Pasifik (PAQS) dengan kerjasama Pertubuhan Ukur Jurutera



dan Arkitek (PUJA) Brunei menganjurkan Kongres PAQS 2024 dalam menggariskan impak transformatif pendigitalan ke atas industri pembinaan.

Kongres bertemakan 'Digitalisation Towards a Smart Nation' tersebut diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Kongres itu bertujuan bagi menggariskan dedikasi negara ini dalam memajukan bidang perukuran, kejuruteraan dan seni bina di pentas global.

Kira-kira 300 orang menghadiri kongres berkenaan yang terdiri daripada ahli PUJA, juruukur, jurutera, arkitek dan wakil dari kementerian-kementerian.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan ketika berucap menekankan, profesion juruukur bahan adalah penting bukan sahaja dalam industri pembinaan tetapi juga di pelbagai sektor.

Di bawah Kementerian Pembangunan, jelas Yang

Berhormat, Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS) memastikan piawaian tertinggi profesionalisme dalam pengukuran bahan (*quantity surveying*).

Yang Berhormat berkata, peraturan itu menekankan kepentingan integriti dan kepakaran dalam bidang tersebut, di mana juruukur bahan bukan sahaja pakar dalam kos tetapi juga penting dalam mengurus dan mentadbir kontrak bangunan.

Namun, kata Yang Berhormat, profesion tersebut sekarang berada di barisan hadapan revolusi digital dan menerima perubahan paradigma.

"Teknologi-teknologi canggih seperti Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), kecerdasan buatan dan *blockchain* mengubah alat dan metodologi kita, meningkatkan aliran kerja serta menawarkan pandangan dan keupayaan yang belum pernah terjadi sebelum ini," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, tema kongres berkenaan menggambarkan komitmen mereka bagi memanfaatkan kuasa teknologi digital untuk membina

persekitaran yang lebih pintar, efisien dan mampan.

Kata Yang Berhormat, ia menuntut kita menerima perubahan, menyesuaikan diri dan terus memperluaskan pengetahuan kita.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, kita tetap perlu memelihara dengan teguh budaya, warisan, nilai-nilai kemanusiaan, integriti dan profesionalisme seiring kita menerima perubahan itu.

Terdahulu, Presiden PUJA, Sr. Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman berkata, Negara Pintar adalah mengenai teknologi bagi mewujudkan masyarakat yang lebih baik dan inklusif, selain memanfaatkan data dan alat digital untuk meningkatkan kualiti kehidupan semua rakyat, memupuk inovasi serta memastikan pembangunan yang mampan.

Jelasnya, visi Negara Pintar ialah negara di mana teknologi memberi perkhidmatan kepada manusia dan membolehkan kita hidup dengan lebih cekap, mampan serta harmoni.


Kongres tersebut mengetengahkan para penceramah dari dalam dan luar negara

antaranya Australia, Kanada, China, Fiji, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, New Zealand, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Korea Selatan dan Afrika Selatan.

Para penceramah utama termasuk Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Jurutera Perunding dan Pengerusi Bahagian Jurutera, PUJA Brunei, Ir. Chin Lee Tuck; Ketua Pegawai Eksekutif DLS Consultancy Pte Ltd., Profesor Dr. Eugene Seah; Pengetua Pengasas Pomeroy Studio, Profesor Dr. Jason Pomeroy; serta Pengarah dan Penasihat Strategik, Turner and Townsend Malaysia, Sr. Dr. Ong See Lian.

Selain itu, kongres tersebut juga akan mengadakan sembilan sesi yang menampilkan pelbagai pembentangan daripada para penceramah di luar pembentangan ucaptama.

Para delegasi turut berpeluang untuk melibatkan diri dalam perbincangan, menjalin hubungan yang berharga, dan mengalami keindahan Negara Brunei Darussalam.



**PRESIDEN PUJA**, Sr. Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman semasa berucap (atas kiri), manakala gambar atas tengah dan kanan, sekitar kongres bertemakan 'Digitalisation Towards a Smart Nation' yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

## Mesyuarat kongsi keutamaan, strategi pendidikan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**YANG Berhormat Menteri Pendidikan** semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Ke-13 yang diadakan di Wilayah Buriram, Thailand.

delegasi dari Negara Anggota ASEAN berpeluang untuk mengongsikan keutamaan dan strategi pendidikan masing-masing, khususnya dalam konteks transformasi pendidikan melalui inisiatif-inisiatif digital.

Dalam kenyataannya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengongsikan komitmen NBD ke arah mentransformasikan pendidikan melalui inisiatif digital, di mana Kementerian Pendidikan NBD telah melancarkan Pelan Transformasi Digital 2023 – 2027 yang memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu teknologi pendidikan; pengurusan teknologi; dan pelaksanaan dasar dan infrastruktur.

Pelan berkenaan menyokong matlamat negara untuk menjadi Negara Pintar dan sejarah dengan visi Wawasan Brunei 2035. Yang Berhormat seterusnya menggariskan usaha-usaha Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan literasi digital, termasuk menaik taraf infrastruktur IT; mewujudkan bilik darjah SMART; mengadakan bengkel

pembangunan profesional bagi guru-guru dan menerbitkan Buku Garis Panduan Blended Learning.

Sebelum mesyuarat-mesyuarat di peringkat menteri bersidang, Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan telah diadakan dari 23 Ogos 2024 hingga 24 Ogos 2024 di tempat yang sama.

Mewakili NBD pada mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dengan disertai oleh beberapa pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Semasa mesyuarat-mesyuarat tersebut, Pegawai-pegawai Kanan Pendidikan ASEAN membincangkan isu-isu pendidikan serantau semasa dan menyemak kemajuan pelan kerja, inisiatif-inisiatif dan aktiviti-aktiviti di bawah sektor pendidikan.

Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati mengemas kini perkembangan semasa aktiviti yang diterajui Kementerian Pendidikan di bawah Pelan Kerja Pendidikan ASEAN 2021-2025. Delegasi Kementerian Pendidikan juga berpeluang untuk mengadakan lawatan kedua-dua buah sekolah di Wilayah Buriram.

**THAILAND**, Selasa, 27 Ogos. - Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Kali Ke-13 (13th ASED) dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan telah diadakan pada 25 Ogos yang lalu di Wilayah Buriram, Thailand. Menghadiri bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Pada tahun ini, Mesyuarat ASEAN Kali Ke-13 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Thailand selaku pengurus dengan kerjasama pihak Sekretariat

ASEAN dan dihadiri oleh Menteri-menteri Pendidikan dari Republik Demokratik Rakyat Lao, Republik Kesatuan Myanmar dan Republik Filipina.

Manakala Timbalan-timbalan Menteri Pendidikan dari Republik Singapura dan Republik Sosialis Viet Nam serta pegawai-pegawai kanan dari Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia dan Malaysia menghadiri sebagai wakil negara masing-masing.

Timbalan Menteri Pendidikan Timor-Leste juga menghadiri mesyuarat tersebut sebagai pemerhati. Mesyuarat tersebut juga melibatkan penyertaan daripada

Rakan Dialog ASEAN.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Police General Permpoon Chidchob dan dihadiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kanan dari semua Negara Anggota ASEAN, bersama dengan wakil daripada Rakan Dialog ASEAN. Upacara pembukaan tersebut menyaksikan beberapa persembahan oleh pelajar-pelajar dari Buriram dan turut dihadiri oleh seramai 10,000 orang guru dari Thailand.

Berdasarkan tema 'Mentransformasikan Pendidikan dalam Era Digital' ketua-ketua

# BINCANG KERJASAMA MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Ogos. - Rombongan dari Kementerian Industri, Institut

Makanan Negara dan Institut Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana, Thailand,

mengadakan lawatan ke Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) di Kementerian

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**ROMBONGAN** berkenaan diketuai oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Ketua Pengarah di Kementerian Industri, Thailand, Siripen Kiatfuengfoo.

Pengarah di Kementerian Industri, Thailand, Siripen Kiatfuengfoo.

Mewakili MOFE NBD ialah Pengarah di Bahagian IBE, Awang Allen On serta pegawai-pegawai kanan dari MOFE.

Mesyuarat berkenaan membincangkan kolaborasi bagi Thailand dan NBD untuk mempromosi dan membangun kerjasama yang lebih erat untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bidang-bidang utama, iaitu bekalan dan standard sektor makanan.

Perbincangan juga tertumpu kepada pelbagai inisiatif dan peluang perniagaan bagi kedua-dua buah negara, yang akan dapat mengukuhkan lagi kerjasama perdagangan antara NBD dan Thailand.

Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Negara Brunei Darussalam (NBD) pada hari ini.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai dan Timbalan Ketua

## Memperluas rangkaian Industri Halal NBD, Thailand



**JERUDONG**, Selasa, 27 Ogos. - Kementerian Perindustrian Thailand dengan kerjasama Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan Malam Thai Halal (Halal Thai Night) di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Majlis berkenaan menjadi satu pencapaian yang luar biasa dan penting dalam usaha Thailand untuk memanjangkan dan berkongsi pembangunan Industri Halal Thai dengan kerjasama rakan kongsi halal terutamanya dengan NBD.

Majlis tersebut dihadiri oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai; Ketua Pengarah, Pejabat Ekonomi Perindustrian, Warawan Chitaroon dan pegawai-

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

pegawai kanan kerajaan NBD dan lebih 100 jemputan dari pelbagai sektor awam dan swasta di NBD.

Dalam acara tersebut para jemputan berpeluang untuk berinteraksi bersama sembilan usahawan terkemuka dari Thailand dalam rangkaian perniagaan dan memperkenalkan potensi produk serta perkhidmatan halal mereka yang merangkumi industri makanan, tekstil dan kosmetik sekali gus memperdalamkan lagi kerjasama dengan NBD untuk industri halal.

Sebagai salah satu anggota ASEAN yang meneraju pengeluaran industri berkualiti tinggi termasuk produk dan perkhidmatan halal, pada masa ini Thailand telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Halal yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Thailand.

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai mekanisme utama sektor awam untuk meningkatkan dan memotivasi pembangunan industri halal di dalam dan luar negara dengan meningkatkan kerjasama dalam industri halal dan menggalakkan pembangunan eksport halal.

Antara peraduan yang telah dianjurkan oleh JPI ialah Pertandingan Pidato Dalam Bahasa Arab Kali Ke-12; Pertandingan Lagu Dakwah Dwi Bahasa; Pertandingan Membaca Al-Quran Kategori Murattal; Peraduan Lakas Tah Mengeja Jawi; Peraduan Syarahan Tafsir Al-Quran dan Peraduan Tausyeh.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pelajar berkenaan, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar. Majlis Penyampaian Hadiah dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Awang Haji Othman bin Haji Asat. Setelah itu, majlis diserikan lagi dengan persembahan johan qari Peraduan Membaca Al-Quran Secara Murattal 2023 (Sekolah Ugama), iaitu Awang Muhammad Lutfi Al-Hakim bin Muhammad Nur Nizamuddin dari Sekolah Ugama Dato Mohd. Yassin, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri dan diikuti persembahan johan Pertandingan Lagu Dakwah Dwi Bahasa (Sekolah Arab) daripada Kumpulan Halawah Al-Jannah dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Majlis berkenaan merupakan acara tahunan Bahagian Kokurikulum, JPI bagi menzahirkan penghargaan dan sebagai insentif kepada para pelajar untuk terus berusaha demi kejayaan dalam bidang pendidikan khususnya bidang kokurikulum.

**PUAN** Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam semasa hadir pada Malam Thai Halal (Halal Thai Night) di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei (atas), manakala gambar kanan, antara produk yang dipamerkan.



## Zahir penghargaan kepada pelajar untuk terus berusaha gigih



**PENGARAH** Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pelajar berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Ogos. - Ke arah mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Jabatan Pengajian Islam (JPI) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan-peraduan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masih bagi meraikan seramai 76 pelajar yang telah berjaya dalam pertandingan kokurikulum.

Majlis berkenaan diadakan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop.

Antara peraduan yang telah dianjurkan oleh JPI ialah Pertandingan Pidato Dalam Bahasa Arab Kali Ke-12; Pertandingan Lagu Dakwah Dwi Bahasa; Pertandingan Membaca Al-Quran Kategori Murattal;

Peraduan Lakas Tah Mengeja Jawi; Peraduan Syarahan Tafsir Al-Quran dan Peraduan Tausyeh.



IRSYAD HUKUM

جَانِتْ مُفْتِيَّ كَلْجَانْ

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei DarussalamWebsite : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**TAKBIRATULIHRAM** adalah salah satu rukun qauli (berbentuk ucapan atau bacaan) dalam sembahyang iaitu melafazkan takbir (بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ). Rukun ini dinamakan sebagai takbiratulihram kerana seseorang yang hendak sembahyang apabila melafazkan takbiratulihram haram ke atasnya melakukan perkara-perkara yang membatakan sembahyang yang dia diharuskan melakukannya sebelum melakukan takbiratulihram seperti makan, minum, berkata-kata atau seumpamanya. Dalam satu riwayat daripada Sayyidina 'Ali Karramallahu Wajhah, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** Kunci sembahyang adalah thaharah, pengharamannya (perkara yang harus dilakukan di luar sembahyang) adalah takbir dan penghalalannya (perkara yang haram dilakukan dalam sembahyang) adalah memberi salam.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Sembahyang yang dilakukan tanpa takbiratulihram adalah tidak sah, berbeza dengan takbir intiqalat iaitu melafazkan takbir (بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ) ketika hendak tunduk melakukan ruku', sujud dan ketika hendak bangkit daripada sujud dan tasyahhud awwal. Meninggalkan takbir intiqalat tidak membatakan sembahyang walaupun dengan sengaja kerana ia

## Melafazkan Takbiratulihram Beberapa Kali

termasuk dalam salah satu perkara yang disunnatkan dalam sembahyang.

Salah satu syarat sah takbiratulihram ialah hendaklah niat menyertai takbiratulihram. Namun bagaimana kedudukan sembahyang seseorang yang melafazkan takbiratulihram berulang kali setelah sempurna takbiratulihramnya yang pertama? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Menurut hukum syara', takbiratulihram bagi setiap sembahyang hanya dilafazkan sekali. Jika seseorang melafazkan takbiratulihram lebih daripada sekali, maka hukum sembahyangnya adalah tertakluk kepada niatnya melakukan takbiratulihram sebagaimana berikut:

1. Melafazkan takbiratulihram beberapa kali dengan niat memulai sembahyang pada setiap takbiratulihram.

Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* menjelaskan:

**Ertinya:** Dan sekiranya (seseorang) melafazkan takbiratulihram beberapa kali dengan niat memulai (sembahyang) dengan setiap takbiratulihram tersebut, (maka) dia (dikira) masuk dalamnya (sembahyang) dengan (takbiratulihram) yang ganjil dan dia (dikira) keluar (dari sembahyang) dengan (takbiratulihram) yang genap kerana tatkala dia (sudah dikira) masuk (sembahyang) dengan (takbiratulihram) yang pertama, dia (dikira) keluar (dari sembahyang) dengan (takbiratulihram) yang kedua disebabkan niat memulai sembahyang dengannya (takbiratulihram kedua) mengandungi (niat) memutus (niat takbiratulihram) yang pertama.

Berdasarkan penjelasan di atas, jika seseorang melafazkan takbiratulihram beberapa kali dengan niat memulai sembahyang pada setiap takbiratulihram tersebut, maka takbiratulihram pada bilangan ganjil dikira sebagai memulai sembahyang, manakala takbiratulihram pada bilangan genap dikira sebagai keluar daripada sembahyang dan sembahyang menjadi batal.

Sebagai contoh, Ali melafazkan takbiratulihram pertama dengan niat memulai sembahyang. Kemudian dia melafazkan takbiratulihram sekali lagi untuk kali kedua juga dengan niat memulai sembahyang. Maka dengan takbiratulihram kedua (bilangan genap) itu dia dikira terkeluar daripada sembahyang dan sembahyangnya dengan takbiratulihram yang pertama itu batal disebabkan dia melafazkan takbiratulihram yang kedua. Namun sembahyangnya sah dengan takbiratulihram yang kedua dengan niat tersebut. Akan tetapi jika Ali seterusnya

melafazkan takbiratulihram untuk kali ketiga (bilangan ganjil) dengan niat memulai sembahyang, maka dia dikira memulai sembahyangnya. Namun jika dia melafazkan takbiratulihram untuk kali keempat juga dengan niat memulai sembahyang, maka dengan takbiratulihram keempat (bilangan genap) itu dia dikira terkeluar daripada sembahyang dan sembahyang yang dikerjakannya itu batal disebabkan dengan takbiratulihram keempat tersebut.

Demikian juga seterusnya apabila dia melafazkan takbiratulihram untuk kali kelima, enam dan seterusnya dengan niat memulai sembahyang. Maka dengan takbiratulihram pada bilangan genap dia dikira terkeluar daripada sembahyang dan kedudukan sembahyangnya batal dengan bilangan takbiratulihram yang genap dan dikira dia memulai sembahyang dengan bilangan takbiratulihram yang ganjil.

Walau bagaimanapun, jika seseorang melafazkan takbiratulihram beberapa kali dan di antara dua takbiratulihram itu dia berniat keluar daripada sembahyang atau dia berniat memulai sembahyang di antara dua takbiratulihram, maka dengan niat tersebut dia dikira terkeluar daripada sembahyang yang dikerjakannya. Dalam keadaan ini, dia dikira memulai sembahyang dengan setiap takbiratulihram yang dilafazkannya itu sama ada takbiratulihram pada bilangan ganjil atau pada bilangan genap.

Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya *Raudhah ath-Thalibin* jelas menyebut:

**Ertinya:** Maka sekiranya seseorang berniat memulai sembahyang atau keluar daripadanya di antara setiap dua takbiratulihram, maka dengan niat itu dia keluar daripada sembahyang dan dengan takbiratulihram itu dia masuk (memulai sembahyang).

Sebagai contoh, Ali melafazkan takbiratulihram pertama dengan niat memulai sembahyang, kemudian dia berniat untuk memulai lagi sembahyangnya atau dia berniat untuk keluar daripada sembahyangnya sebelum dia melafazkan takbiratulihram kedua, maka sembahyangnya dengan takbiratulihram pertama itu batal disebabkan dia berniat sekali lagi untuk memulai sembahyang atau disebabkan dia berniat untuk keluar daripada sembahyang sebelum dia melafazkan takbiratulihram yang kedua. Namun sembahyangnya sah dengan takbiratulihram yang kedua dengan niat

memulai sembahyang kerana dengan takbiratulihram kedua yang dilafazkan itu dia dikira memulai sembahyangnya.

2. Melafazkan takbiratulihram beberapa kali dengan niat memulai sembahyang hanya pada takbiratulihram yang pertama.

Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya *Raudhah ath-Thalibin* menyebut:

**Ertinya:** Dan sekiranya seseorang tidak berniat dengan takbir kedua dan apa yang selepasnya (niat untuk) memulai (sembahyang) dan tidak (juga berniat) keluar (daripada sembahyang), maka sah dia masuk (memulai sembahyang) dengan (takbiratulihram) pertama, dan takbir-takbir yang lain (yang dilafazkannya selepas itu adalah) zikir, tidak batal sembahyang dengannya.

Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* ada juga menjelaskan:

**Ertinya:** Maka jika seseorang tidak berniat demikian itu (memulai sembahyang melainkan dengan takbir pertama) dan tidak diselangi perkara-perkara yang membatakan (sembahyang) seperti mengulangi lafadz niat, maka takbir yang selepas (takbir) pertama (dikira) zikir dan ia tidak memberi kesan (menjejaskan kesahan sembahyang).

Berdasarkan penjelasan di atas, jika seseorang melafazkan takbir beberapa kali akan tetapi dia tidak berniat memulai sembahyang melainkan hanya pada takbiratulihram yang pertama, maka sembahyangnya tidak batal dan sah sembahyangnya itu dengan takbiratulihram yang pertama. Manakala takbir kedua atau yang seterusnya yang dilakukan tanpa niat memulai sembahyang dikira sebagai zikir.

Sebagai contoh, Ali melafazkan takbiratulihram dengan niat memulai sembahyang, kemudian melafazkan takbir kedua tanpa niat untuk memulai sembahyang, maka dengan takbir pertama itu dia dikira memulai sembahyangnya dan takbir kedua dikira zikir yang tidak membatakan sembahyang.

Menurut Ibn ar-Rif'ah Rahimahullah sebagaimana yang disebut oleh para ulama antaranya Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, kesemua ketetapan yang dinyatakan mengenai perbuatan melafazkan takbiratulihram beberapa kali dalam sembahyang ini adalah apabila perbuatan ini dilakukan dengan sengaja. Jika dilakukan dengan sebab lupa maka sembahyang tidak batal.

Demikian penjelasan mengenai melafazkan takbiratulihram beberapa kali dalam sembahyang.

## Membersihkan diri daripada segala penyakit hati

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلو لأن فوسة دعوه اسلاميه

Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 74 yang mafhumnya : "Kemudian sesudah itu, hati kamu (Bani Israel) menjadi keras seperti batu bahkan lebih keras lagi daripada batu. Padahal sesungguhnya antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya, dan ada pula antaranya yang terbelah lalu keluarlah daripadanya mata air dan sesungguhnya antaranya ada yang jatuh kerana takutkan Allah. Dan Allah sekali-kali tidak larai daripada apa yang kamu kerjakan".

Begitulah Allah Subhanahu Wata'ala mendatangkan contoh dan menerangkan bahawa batu yang keras itu pun ada kalanya boleh mengalirkan air dan boleh terpecah kerana amat takutkan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, apakah hati manusia lebih keras daripada batu hingga tidak boleh menerima petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala?

Apa yang paling membimbangkan kita ialah apabila hati mati, kerana inilah kemuasan yang amat besar terhadap manusia. Matinya hati adalah bencana dan malapetaka besar yang bakal menghitamkan seluruh kehidupan di dunia dan di akhirat. Inilah natijahnya apabila kita larai dan cuai mengubati dan membersihkan hati kita. Kegagalan kita menghidupkan hati akan dipertanggungjawabkan oleh Allah

Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

Hati itu boleh mati disebabkan perkara berikut :

- 1) Hati mati kerana tidak berfungsi mengikut perintah Allah, iaitu tidak mengambil iktibar dan pengajaran daripada didikan dan ujian Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah dalam Surah Az-Zumar ayat 22 yang mafhumnya : "...Maka celakalah bagi mereka yang keras hatinya daripada menerima peringatan Allah. Mereka itu berada dalam kesesatan yang nyata".

- 2) Hati juga mati jika tidak diberikan makanan dan santapan rohani yang sewajarnya. Kalau tubuh jasmani boleh mati kerana tuannya tidak makan dan tidak minum, begitulah juga hati. Bila ia tidak diberikan santapan dan tidak diubati, ia bukan sahaja akan sakit dan buta malah akan mati akhirnya. Santapan rohani itulah zikrullah, nasihat dan muhasabah diri.

Maka jaga dan peliharalah hati kita dengan sebaik-baiknya supaya tidak menjadi kotor, hitam, keras, sakit, buta dan mati iaitu dengan mengikis dan membersihkannya dengan jalan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 yang mafhumnya : "(laitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

**H**ATI diciptakan Allah Subhanahu Wata'ala sebagai organ yang paling utama di dalam tubuh manusia dan juga sebagai nikmat yang paling agung diberikan oleh Allah. Hati menjadi tempat Allah Subhanahu Wata'ala membuat penilaian terhadap hamba-Nya. Pada hatihal letaknya niat seseorang. Niat yang tulus ikhlas itu akan diberi pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hati perlu dijaga dan dipelihara dengan baik agar ia tidak rosak, tidak sakit, tidak leka, tidak buta, tidak keras dan lebih-lebih lagi tidak mati. Sekiranya berlaku pada hati keadaan-keadaan seperti ini, kesannya adalah melibatkan seluruh anggota tubuh badan manusia. Dan akan lahirlah penyakit-penyakit masyarakat berpunca dengan hati yang sudah rosak itu.

Justeru itu, hati adalah amanah yang wajib dijaga, sebagaimana kita diamanahkan untuk menjaga mata, telinga, mulut, kaki, tangan dan sebagainya daripada berbuat dosa dan maksiat. Hati yang hitam ialah hati yang menjadi gelap kerana dosa. Setiap satu dosa yang dilakukan tanpa diikuti taubat dan

istighfar itu akan menyebabkan terjadinya satu titik hitam di dalam hati. Itu baru satu dosa. Maka bayangkan bagaimana pula kalau banyak dosa yang dilakukan. Alangkah hitam dan kotornya hati ketika itu.

Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya

meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallah 'anhу, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda

yang bermaksud : "Siapa yang melakukan

suatu dosa, maka akan tumbuh di hatinya

setitik hitam, kiranya ia bertaubat akan

terkikislah titik hitam itu dari muka hatinya.

Jika ia tidak bertaubat, maka titik hitam itu

akan terus merebak sehingga seluruh muka

hatinya menjadi hitam".

Hadir ini sesuai dengan firman Allah

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 14 yang mafhumnya :

"Tidak sekali-kali (seperti yang dikatakan), bahkan (sebenarnya) dosa yang mereka

lakukan telah menutupi hati mereka".

Hati apabila kotor dan hitam akan menjadi keras. Apabila hati keras, kemanisan dan kelazatan beribadat akan tidak dirasakan dan ia akan menjadi penghalang kepada masuknya nur ilmu. Belajar sebaik mana pun ilmu yang bermanfaat atau ilmu yang boleh memandu kita, namun ilmu itu tidak akan masuk ke dalam hati. Kalau pun kita faham, tidak ada daya dan kekuatan kita untuk mengamalkannya.

# JAPEM ADAKAN MAJLIS PENANDATANGANAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**BANDAR SERIBEGAWAN,** Selasa, 27 Ogos. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Perkhidmatan bagi Operasi dan Penyelenggaraan Pusat Panggilan Kebangsaan Child Helpline 121 dan Talian Kebajikan 141 dengan Comquest Sendirian Berhad di Bangunan KKBS, hari ini.

Majlis penandatanganan di antara kedua-dua pihak diwakili oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Pengurus Am Comquest Sendirian Berhad, Guarav Shrotriya.

Hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh dan Pengurus Operasi Comquest Sendirian Berhad, Dayang Hajah Juridah binti Maidin.

Penandatanganan perjanjian perkhidmatan di antara JAPEM dan Comquest hari ini merupakan kesinambungan daripada penandatanganan Memorandum Persefahaman yang dimeterai pada tahun 2019 di antara JAPEM dan Telekom Brunei (kini dikenali Imagine Sdn. Bhd.) dan Memorandum Persefahaman yang dimeterai pada tahun 2021 di antara JAPEM, Imagine dan Comquest.

Comquest Sendirian Berhad selaku pembekal perkhidmatan bagi operasi dan penyelenggaraan Pusat Panggilan Kebangsaan Child Helpline 121 (dikenali sebagai Talian Anak 121) dan Talian Kebajikan 141 dalam perjanjian ini telah mendokumentkan terma-terma perkhidmatan yang akan disediakan oleh Comquest bagi operasi dan penyelenggaraan Pusat Panggilan tersebut.

Kerjasama yang dimeterai sejak tahun 2019 bukan sahaja melancarkan Talian Anak 121 yang dikhususkan untuk kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam (NBD), bahkan telah menyediakan sebuah Pusat Panggilan JAPEM yang dilengkapi dengan sistem yang menyeluruh.

Setelah lima tahun penubuhannya, Pusat Panggilan JAPEM telah menghasilkan impak yang amat signifikan terhadap meningkatkan kualiti perkhidmatan jabatan dan kementerian serta telah memberikan kemudahan kepada orang ramai, khususnya golongan kurang bernasib baik yang memerlukan pertolongan untuk menyalurkan dan mengongsikan pertanyaan dan aduan, berkaitan hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Sehingga Julai 2024 (tahun 2020 hingga Julai 2024), Talian Anak 121 telah menerima sebanyak 1,881 panggilan yang mana 90 peratus



MAJLIS penandatanganan di antara kedua-dua pihak diwakili oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pengurus Am Comquest Sendirian Berhad, Guarav Shrotriya.

daripadanya adalah panggilan meminta maklumat dan 10 peratus adalah panggilan yang membuat aduan yang melibatkan kebajikan dan kemaslahatan kanak-kanak di negara ini.

Talian Kebajikan 141 adalah platform rasmi JAPEM untuk orang ramai membuat sebarang aduan, pertanyaan atau permohonan yang berkaitan dengan Sistem Kebajikan Negara (SKN) di samping perkhidmatan-perkhidmatan yang

lain.

Sehingga Julai 2024 (tahun 2020 hingga Julai 2024), Talian Kebajikan 141 telah menerima lebih daripada 82 ribu panggilan di mana 95 peratus adalah panggilan meminta maklumat dan 5 peratus adalah panggilan yang membuat aduan.

Kedua-dua talian bantuan adalah talian bebas tol dan beroperasi 24 jam di Pusat Panggilan JAPEM dan segala

maklumat yang diterima adalah dirahsiakan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Kebajikan 141 jika ingin melaporkan sebarang isu-isu yang melibatkan kebajikan dan kemaslahatan orang ramai. Bagi kanak-kanak dan orang muda yang berhasrat untuk meluahkan perasaan dan membuat aduan tanpa rasa takut bolehlah menghubungi Talian Anak 121 pada bila-bila masa.



## Pembelajaran sepanjang hayat

**P**EMBELAJARAN sepanjang hayat merujuk kepada usaha berterusan untuk menimba pengetahuan dan mengasah kemahiran diri tanpa mengira usia, tempat atau masa. Ia merangkumi pelbagai bentuk pendidikan, sama ada melalui pendidikan formal seperti sekolah dan universiti, serta pengalaman dan pembelajaran tidak formal dari kehidupan seharian.

Dalam dunia moden yang sentiasa berubah, pembelajaran sepanjang

hayat menjadi semakin penting untuk membantu kita menyesuaikan diri dengan perkembangan yang pesat dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang teknologi dan pasaran kerja.

Dengan terus belajar dan memperbaharui pengetahuan serta kemahiran, kita akan kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran kerja yang dinamik. Selain itu, hal ini membolehkan kita untuk bersedia menghadapi perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan kita,

termasuklah cara berfikir, berinteraksi, dan mengatasi cabaran. Ini memastikan bahawa kita tidak akan ketinggalan dalam arus kemajuan, malah dapat terus maju dan berjaya dalam dunia yang serba mencabar ini.

Pembelajaran sepanjang hayat juga memainkan peranan penting dalam peningkatan diri. Melalui pembelajaran berterusan, kita akan dapat memperkayakan pengetahuan, kemahiran serta memperbaiki kualiti

hidup secara menyeluruh. Sebagai contoh, dengan mempelajari kemahiran baru seperti pengurusan masa atau komunikasi berkesan akan membantu diri lebih cekap dan produktif dalam tugas sehari-hari. Peningkatan ini membuka peluang untuk pembangunan diri dengan lebih lanjut. Secara keseluruhan, pembelajaran sepanjang hayat adalah penting untuk diterapkan dalam kehidupan kita. Dengan terus menimba ilmu dan mengembangkan kemahiran

baru, kita akan dapat mencapai kejayaan peribadi serta menyumbang kepada kemajuan masyarakat secara keseluruhan. Pembelajaran tidak seharusnya terhenti apabila tamatnya pendidikan formal, sebaliknya ia perlu diteruskan sepanjang hayat sama ada melalui kursus-kursus kemahiran atau menghadiri ceramah dan forum. Setiap usaha untuk terus belajar adalah langkah ke arah kehidupan yang lebih bermakna dan produktif. Hanya dengan sikap ingin terus belajar, kita dapat memastikan bahawa kita kekal relevan, berpengetahuan, dan mampu mencapai potensi penuh dalam hidup.

Nama : Nur Eliana Ashriyah binti Mohamad Asri  
No K/P: 01 - 099XXX



Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Belia Pencetus Perubahan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Ogos 2024
2. 'Awasi Pergaulan Anak-anak'. Tarikh Tutup : 4 September 2024
3. 'Tingkat Kesedaran Mengenai Kanser Serviks'. Tarikh Tutup : 11 September 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan

dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**
**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil**

**Dokumen Tawaran :**  
Tidak lewat Selasa,  
3 September 2024,  
Jam 3.00  
Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
10 September 2024,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 18 / 2024

**Nama Projek:**  
Pemasangan dan Pemeliharaan  
Perabot Keselamatan Jalan Raya,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)


**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
2 / BBS / SH(K) / 2024 – 2025

**Keterangan Projek:**  
Penggantian 6 Buah Komputer  
Jabatan Bandaran Kuala Belait  
dan Seria

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
10 September 2024  
Jam 2.00  
Petang


**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELENCONGAN**

**Bilangan Tawaran :**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 11

**Tajuk Tawaran :**  
“Term Contract  
For  
Graphic Design Services  
2024-2025”

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Khamis,  
12 September 2024  
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
Terbuka

**Kategori :**  
KPB01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil**  
**Dokumen Tawaran :**

Selasa,  
3 September 2024

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 27 / CQS / 2024-T / III

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah  
Dan Pengikiran Topografi Bagi  
Tapak Politeknik Di Kampung  
Madaras

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
17 September 2024,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN HAL EHWA  
LUAR NEGERI**

**Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan  
Antarabangsa**  
**Kementerian Hal Ehwal Luar  
Negeri**

**Iklan Jawatan Kosong**

**Jawatan Kosong Di**  
Sekretariat Komanwel, London,  
United Kingdom

**Jawatan :**  
Political Affairs Officer, Good  
Offices and Caribbean Section,  
Governance and Peace Directorate

**Kekosongan :**  
1

**Tarikh Tutup :**  
30 Ogos 2024

Untuk makluman, maklumat  
lanjut mengenai jawatan tersebut  
termasuk permohonan boleh  
didapati melalui laman sesawang :  
<http://thecommonwealth.org/jobs>


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Jualan Secara Sebut Harga  
Bagi Peralatan Pancaragam  
(Alat-Alat Muzik)**

**Kepunyaan Angkatan  
Bersenjata Diraja Brunei**

**Rujukan:**  
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1  
(02/2024)

**Tawaran Hendaklah  
Dimasukkan Ke Dalam:**

Box No. 6,  
Peti Sebut Harga,  
Bangunan Arkib,  
Aras Bawah,  
Kementerian Pertahanan,  
Bolkiah Garrison

**Tarikh Tutup  
Mengantar Borang:**  
Rabu, 25 September 2024  
Tidak lewat jam 10.00 Pagi


**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 177 / 2024 / UPP (TC)

**Keterangan :**  
The Provision of Food and Drink  
Vending Machine Service at Zone  
1 [The Outpatient Department  
Block], Raja Isteri Pengiran Anak  
Saleha (RIPAS) Hospital for A  
Period of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 178 / 2024 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
The Provision of Food and  
Drink Vending Machine Service  
at Zone 4 And Zone 5 [The  
Specialist Building, The Kiarong  
Child Development Centre, The  
Kiarong Psychiatric Services and  
The Kiarong Circumcision Unit],  
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha  
(RIPAS) Hospital for A Period of  
Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 182 / 2024 / HTD(TC)

**Keterangan:**  
The Provision of Maintenance  
Services For Siemens Equipment  
For Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND1,000.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 183 / 2024 / PPN(TC)

**Keterangan:**  
Provision of Maintenance Services  
for Fire Alarm System, Carbon  
Dioxide [CO<sub>2</sub>] Fire Suppression  
System, Fire Hose reel System and  
Fire Extinguishers at National State  
Dental Centre, Ministry of Health  
for A Period of Five (5) Years

**Kelayakan Pembekal /  
Pemborong:**

Berdaftar Dengan Kementerian  
Kesihatan Dan Jabatan Bomba  
Dan Penyelamat, Kementerian Hal  
Ehwal Dalam Negeri

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 182 / 2024 / HTD

**Keterangan:**  
To Supply, Deliver, Install, Testing  
and Commission One (1) Unit of  
Direct Mass Spectrometry for Illicit  
Drugs Section, Department of  
Scientific Services,  
Ministry of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
10 September 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I  
PMKK.3**  
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

**Atau**

**Ketua Kampung Tingkat II  
PMKK.2**  
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

**Atau**

**Ketua Kampung Tingkat III  
PMKK.1**  
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

**bagi**

**DAERAH TUTONG**

1. Kampung Petani,  
Mukim Pekan Tutong
2. Rancangan Perumahan Negara  
Bukit Beruang Kawasan 2,  
Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara  
Bukit Beruang Kawasan 4,  
Mukim Telisai
4. Kampung Layang,  
Mukim Lamunin
5. Kampung Merimbun,  
Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa  
Jabatan Daerah Tutong,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri dengan sukacitanya  
mempelawa dan menjemput  
penduduk-penduduk yang  
bermastautin di kampung yang  
tersenarai di atas bagi untuk  
menghadapkan pencalonan bagi  
mengisikan jawatan sebagai  
Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan  
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang  
pencalonan boleh didapati dan  
dikembalikan ke alamat  
seperti berikut:-

**Bahagian Institusi  
Mukim dan Kampung  
Jabatan Daerah Tutong  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan  
borang pencalonan adalah pada  
Sabtu, 28 September 2024,  
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah  
menghubungi melalui talian  
+673 4222491  
sambungan 110 / 111.





**MOE / LTK / 61 / 2024 / 2025  
(JPPE-OGOS-2024)**

Five (5) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance Of Offices Under Ministry Of Education, Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam.

**Kelas :**  
V & VI

(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori :**  
B01, E01

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**  
BND1,000.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Sabtu  
7 September 2024  
Jam 10.00 Pagi

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**  
Selasa  
29 Oktober 2024  
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Remove Floating River Crossing HDPE Pipe At Kuala Tutong Pump House

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 5 September 2024  
Jam 2.00 Petang



**MOE / LTK / 62 / 2024 / 2025  
(JPPE-OGOS-2024)**

Two (2) Years Term Contract For New Installation And Upgrading Work Of Fire Protection Systems And Related Work To Secondary Schools And Housing In Tutong District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

**Kelas:**  
Tidak Terhad  
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori:**  
KPME05 & E01 SAHAJA

**Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran :**  
BND30.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
11 September 2024 (Rabu)  
Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**  
17 September 2024 (Selasa)  
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**Jawatan Kosong Sebagai**

**Penghulu Mukim Tingkat III PMKK.4**  
(BND3,880.00 - BND4,240.00)

**Bagi Daerah Tutong**

**- Mukim Rambai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong dengan suakitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Tutong.

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 28 September 2024, jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 sambungan 110 / 111.



**Bilangan dan Tajuk**

**Sebut Harga :**  
RTB / 04 / 2024

Term Contract Of Twenty-Four (24) Months Period For Operation, Routine Maintenance & Repair Work For Air-Conditioning Systems (Hvac) At Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar

**Bayaran Yuran:**

BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**

Selasa,  
10 September 2024  
Jam 2.00 Petang



**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / RC / 296(3)  
Insurance For Technical Equipment Division – Five (5) Years Contract

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu **Selasa, 10 September 2024**.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
17 September 2024  
2.00 Petang



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Remove Floating River Crossing HDPE Pipe At Kuala Tutong Pump House

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 5 September 2024  
Jam 2.00 Petang



**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**  
Upgrading And General Repairworks To JPKHAS Village Bunglow C7, C8, C9 & C10 Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Gadong, Brunei Muara District, Brunei Darussalam.

**Kelas :**  
III & IV

(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori :**  
KA01 & B01

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**

BND100.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]





Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:  
RTB / K / 97 / 2024  
Supply And Delivery Of Video Encoder-Decoder For Transcoding And Streaming Of Live Video Feed

Bayaran Yuran (termasuk e-dokumen):  
BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Salinan Kertas:  
BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:  
Selasa,  
11 September 2024  
Jam 2.00 Petang



**1. MOE / LTK / 63 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**  
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:  
Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Kg Perpindahan Mentiri, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: SM/33  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:  
BND50.00  
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan)

**2. MOE / LTK / 64 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**  
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan:  
Sekolah Menengah Awang Semaun, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/S1  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**3. MOE / LTK / 65 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**  
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan:  
Sekolah Menengah Sultan Hassan,



Bilangan Sebut Harga:  
T02 / KKBS / UP / INK

Tajuk Sebut Harga:  
Pembekalan Catridge Toner, Ink dan Drum Printer Komputer Bagi Kegunaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Bagi Tempoh 1 Tahun

Tarikh Tutup :  
Tidak lewat Selasa,  
3 September 2024  
Jam 2.00 Petang.



Daerah Temburong, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/S2  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**4. MOE / LTK / 66 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**  
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan:  
Maktab Anthony Abell, Seria, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/S3  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**5. MOE / LTK / 67 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**  
Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenuus Bagi Program Harapan:

- Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sg Kebun
- Sekolah Rendah Sungai Siamas
- Sekolah Rendah Bendahara Lama Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/St1  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 64 / 2024 / 2025 hingga MOE / LTK / 67 / 2024 / 2025:**

BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**6. MOE / LTK / 68 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**  
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :

- Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang
- Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang Ii Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan.

## IKLAN

Kod Blok: SM/47  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**7. MOE / LTK / 69 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan:

- Sekolah Rendah Panchong
- Sekolah Rendah Benutan
- Sekolah Rendah Kg Bukit Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/S6  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**8. MOE / LTK / 70 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan:  
Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang, Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/T6  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**9. MOE / LTK / 71 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan:  
Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang Ii, Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/T7  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**10. MOE / LTK / 72 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenuus Bagi Program Harapan:

- Sekolah Rendah Saba Darat B
- Sekolah Rendah Haji Tarif
- Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/ST2  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**11. MOE / LTK / 73 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenuus Bagi Program Harapan:  
Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Kg Perpindahan Mentiri, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/ST5  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**12. MOE / LTK / 74 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenuus Bagi Program Harapan:

- Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
- Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Mohd Yusof, Lorong 3 Seria Daerah Belait, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/ST7  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**13. MOE / LTK / 75 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenuus Bagi Program Harapan : Sekolah Rendah Panaga, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok: PH/ST8  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**14. MOE / LTK / 76 / 2024 / 2025 [IDA(BPPA-OGOS-2024)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenuus Bagi Program Harapan:

- Sekolah Rendah Panchor Murai
- Sekolah Rendah Panglima Berudin, Limau Manis
- Sekolah Rendah Putat Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan.

Kod Blok : PH/ST10  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi

MOE / LTK / 68 / 2024 / 2025 hingga MOE / LTK / 76 / 2024 / 2025:

BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen]

Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:

10 September 2024  
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:  
JPE / LTK / PSP / 031 / 2024

Tajuk Tawaran:  
Reinforcement Of Low Voltage Network For Tutong (Retendered)

Yuran Tawaran:  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:  
Selasa  
10 September 2024  
2.00 Petang

Tempat Tutup :  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:  
Pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan dalam kelas IV atau V sahaja, dalam kategori E02 dan berdaftar mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam Kategori E02**

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari :

Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



# MOOT TINGKATKAN KESEDARAN TIMBANG TARA

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Timbangtara Brunei Darussalam**



PUSAT Timbangtara Brunei Darussalam (BDAC) semasa mengadakan Commercial Arbitration Moot (Moot) (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (BDAC) mengadakan Commercial Arbitration Moot (Moot) di Pejabat BDAC, Kondominium Ong Sum Ping, baru-baru ini.

Seramai 15 peserta terdiri daripada pelajar undang-undang dan graduan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Lembaga Pengarah BDAC, Awang Haji Zainidi bin Haji Abdul Hamid.

Para peserta telah membuat persiapan untuk pertandingan tersebut sejak Jun 2024, di mana beberapa sesi kuliah telah diberikan kepada peserta mengenai proses

timbang tara dan advokasi.

Moot ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai timbang tara sebagai kaedah pengurusan konflik yang berkesan, meningkatkan pengetahuan mengenai timbang tara komersial, membimbing dan membantu peserta dalam penggunaan Peraturan Timbangtara BDAC serta untuk membangunkan kepakaran para peserta dalam amalan timbang tara.

Terlebih dahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Muhamad Hisyamuddin bin Mohamad Ali.

Diikuti dengan ucapan alu-



alan yang disampaikan oleh Awang Haji Zainidi yang antara lain menggariskan mengenai kepentingan yang semakin meningkatnya timbang tara, terutamanya timbang tara antarabangsa, sebagai kaedah penyelesaian pertikaian yang semakin menjadi pilihan dalam dunia yang saling berhubung ini.

Beliau menekankan bahawa dengan peningkatan transaksi rentas sempadan dan kerjasama antarabangsa, manfaat timbang tara menjadi lebih penting daripada sebelumnya.

Menurutnya, penyelesaian pertikaian yang adil dan saksama adalah matlamat utama, sama ada di mahkamah, di meja rundingan,

atau semasa sesi timbang tara.

Katanya, Moot tersebut juga menyediakan peluang yang amat bernilai untuk pelajar dan profesional muda yang berkait dalam timbang tara.

Di ruang ini ujarnya, mereka boleh melakukan kesilapan dengan risiko yang minima, sambil mempelajari pelajaran penting untuk kerjaya masa depan mereka dalam bidang ini.

"Sebagai penimbang tara jemputan, adalah tanggungjawab mereka untuk berkongsi kekayaan ilmu dan menyediakan pertumbuhan serta perkembangan bagi mereka yang suatu hari nanti akan membawa obor keadilan untuk cemerlang dalam dunia

timbang tara dan seterusnya," tambahnya lagi.

Acara Moot ini berlangsung selama dua hari di mana para peserta telah membentangkan hujah lisan mereka semasa sesi bicara timbang tara kepada penimbang tara jemputan.

Pada hari kedua, acara berakhir dengan sesi bicara terakhir, diikuti oleh analisis dan maklum balas dari penimbang tara jemputan. Anugerah (*arbitral award*) turut diberikan di hujung bicara.

Penimbang tara jemputan terdiri daripada pegawai kehakiman, penimbang tara luar negara, pengamal undang-undang dari sektor swasta dan kerajaan serta pensyarah universiti.

## Memperkasa pelajar UNISSA ceburi bidang keusahawanan



ANTARA yang menghadiri Bengkel Keusahawanan : Menceburi Kewangan di Bilik Banquet, UNISSA (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Alumni (HEA) melalui Persatuan Alumni UNISSA menganjurkan Bengkel Keusahawanan : Menceburi Kewangan.

Seramai 37 peserta terdiri



**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Perusahaan Mahyra.co dan Chefiqem, Dayang Haziqah Mahirah binti Morislin, yang juga alumni UNISSA dan dengan tajuknya 'My Entrepreneurship Journey : Turning Challenge into Opportunities'.

Dayang Haziqah Mahirah mengongsikan pengalaman peribadi beliau dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan, termasuk halangan dan cabaran yang dihadapi serta bagaimana beliau mengatasinya.

Beliau juga menerangkan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh bakal usahawan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dengan lebih berkesan.

Bengkel berkenaan diakhiri dengan penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada fasilitator, iaitu Awang Mohammad Afiq yang disampaikan oleh Ketua Pejabat Pembangunan Kerjaya Jaringan Industri (OCeAN), UNISSA, Dr. Hajah Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid; dan Dayang Haziqah Mahirah yang disampaikan oleh Ketua Pejabat Hal Ehwal Alumni (HEA), UNISSA, Dr. Norasiah binti Haji Amai.

Melalui bengkel berkenaan diharap akan menjadi platform yang sangat berharga untuk memperkasa pelajar dan Alumni UNISSA dalam mewujud impian keusahawanan mereka.

daripada pelajar dan Alumni UNISSA menghadiri bengkel berkenaan yang berlangsung pada Khamis, 17 Safar 1446 Hijrah bersamaan 22 Ogos 2024. Masihi bertempat di Bilik Banquet, UNISSA.

Bengkel berkenaan terbahagi kepada dua sesi utama, iaitu sesi pertama yang disampaikan oleh Ketua Kaunselor Perniagaan,

Shell LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Afiq bin Mohammed dengan tajuk 'Introduction to Entrepreneurship'.

Sesi berkenaan memberi pengenalan asas mengenai keusahawanan dan langkah-langkah awal untuk memulakan perniagaan.

Manakala sesi kedua pula disampaikan oleh Pemilik

# Kongres Persatuan Juruukur Bahan Pasifik labuh tirai



**TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan hadir pada majlis tersebut (atas), manakala gambar kiri, acara penyerahan Bendera PAQS kepada IQSI Indonesia, iaitu tuan rumah Kongres PAQS 2025.**

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**GADONG**, Selasa, 27 Ogos. - Kongres Persatuan Juruukur Bahan Pasifik (PAQS) 2024 berakhir petang tadi dengan majlis penutup yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub dan Presiden Persatuan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Sr. Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Majlis berkenaan menampilkan penyampaian anugerah, mengiktiraf pencapaian dengan Yayasan IWATA dan Akreditasi Sijil Universiti.

Pada majlis tersebut,

penyelidikan dan inovasi yang luar biasa turut dibentangkan dan telah diberi penghormatan dengan Anugerah Kertas Terbaik.

Acara juga termasuk penyerahan Bendera PAQS kepada IQSI Indonesia, iaitu tuan rumah Kongres PAQS 2025, diiringi oleh tayangan video yang memaparkan persediaan dan visi Indonesia bagi Kongres PAQS 2025.

Majlis berakhir dengan ucapan penutup daripada Naib Presiden / Pengerusi Bahagian Juruukur PUJA, Sr. Hajah Hajjah binti Haji Awang Salleh juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengajur Kongres PAQS 2024 menandakan ucapan selamat tinggal kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) dan selamat datang kepada Indonesia.

PAQS adalah sebuah organisasi

utama yang didedikasikan untuk menyatukan badan-badan kebangsaan yang mewakili Juruukur Kuantiti di seluruh rantau Asia dan Pasifik Barat dan menyokong pembangunan serta kecemerlangan yang berterusan dalam bidang berkenaan, menyimpulkan kongres kali ini dengan beberapa acara penting.

Kongres PAQS 2024 bertemakan 'Digitalization Towards Smart Nation' bermaksud Negara Pintar adalah mengenai teknologi bagi mewujudkan masyarakat yang lebih baik dan inklusif, selain memanfaatkan data dan alat digital untuk meningkatkan kualiti kehidupan semua rakyat, memupuk inovasi serta memastikan pembangunan yang mampan.

Kira-kira 300 orang menghadiri kongres berkenaan yang terdiri daripada Ahli PUJA, juruukur, jurutera, arkitek dan wakil dari kementerian-kementerian.

Kongres PAQS 2024 adalah

anjuran PAQS dengan kerjasama PUJA NBD, bertujuan bagi menggariskan dedikasi negara ini dalam memajukan bidang perukuran, kejuruteraan dan seni bina di pentas global.

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Kementerian Kesihatan  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## 58 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPUL



**SEKITAR** Kempen Derma Darah untuk orang awam sempena Hari Penderma Darah Sedunia bertempat di The Airport Mall (kiri, kanan dan bawah kiri).



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Ogos. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IIHSB) serta Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) pagi tadi menganjurkan Kempen Derma Darah untuk orang awam sempena Hari Penderma Darah Sedunia bertempat di The Airport Mall.

Kempen Derma Darah yang diadakan dengan kerjasama Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre-JPMC) bermula dari jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang berkenaan berjaya mengumpul sebanyak 58 pain darah.

Ramai kalangan para penderma

juga adalah penderma yang berpengalaman dan telah menderma darah berkali-kali sepanjang hidup mereka.

Acara berkenaan juga menyaksikan penyertaan baharu, iaitu penderma darah buat kali pertama, dengan niat untuk menyelamatkan nyawa.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; dan Pemangku Pengarah Urusan

IIHSB, Awang Haji Mohd Yusreza bin Haji Mohd. Yussin bersama pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta komuniti sekitar.

Perbadanan TAIB Group of Companies menyedari pentingnya keperluan untuk pendermaan darah yang berterusan, oleh itu anjuran Kempen Derma Darah akan sentiasa diadakan pada masa hadapan demi menyokong usaha menambah bekalan darah negara.

# KUKUHKAN PAKATAN STRATEGIK DALAM BIDANG KOLABORASI, PROMOSI, PENYELIDIKAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Ogos. - Satu Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai di antara Syarikat Pakar Tenaga Bersatu Sendirian Berhad (PTB), Negara Brunei Darussalam (NBD) dan SIRIM Berhad, Malaysia di Bandar Seri Begawan, NBD.

Menandatangani bagi pihak PTB ialah Pengarah Urusan Syarikat,

Pengiran Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh. Manakala mewakili bagi pihak SIRIM ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad, Dato' Indera Ir. Dr. Ahmad Sabirin bin Arshad.

MoU berkenaan mengukuhkan lagi pakatan strategik di antara kedua-dua buah organisasi dalam

bidang kolaborasi, promosi dan penyelidikan yang ditawarkan kepada kesemua industri di NBD.

Majlis Penandatanganan MoU berkenaan dihoskan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian NBD (NCCIBD) dan dipengerusikan oleh Presiden NCCIBD, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad.



MEMORANDUM Persefahaman (MoU) dimeterai di antara Syarikat Pakar Tenaga Bersatu Sendirian Berhad (PTB), Negara Brunei Darussalam (NBD) dan SIRIM Berhad, Malaysia di Bandar Seri Begawan, NBD.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Avokado Lemak Manis Kampung Sumbiling Baru

### BAHAN-BAHAN :

2 biji Avokado  
500 milliliter air  
Susu pekat manis (sesuai dengan selera)  
Ais

### Cara-cara membuat :

Masak air hingga mendidih dan masukkan susu pekat manis. Gaul sehingga sebatи dan biarkan sehingga sejuk. Avokado dipotong dadu kemudian

simpan di dalam bekas manguk, berserta ais. Kemudian masukkan banchuan susu pekat manis tadi. Sedia untuk dihidang.

Muka 2

PELITA BRUNEI, Rabu 19 Ogos, 1964.

## Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Senukoh

KAMPONG SENUKOH. — Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Puasa bin Tudin, bagi pehak Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Senukoh di-Daerah Temburong pada pagi 8 Ogos, 1964.

Beliau telah menguchapkan tahniah kepada penduduk2 Kampong Senukoh yang telah bekerja sama sa-chara bergotong royong membina bangunan sementara Sekolah Melayu Senukoh untuk faedah kanak2 di-kampong tersebut.

Di-samping itu, beliau juga telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kepada pehak Kerajaan, terutama sekali

kapada Jabatan Pelajaran yang telah dapat mengadakan sebuah lagi Sekolah Melayu di-Daerah Temburong.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Pengelola Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff bagi pehak Pegawai Pelajaran Negara Brunei; Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Temburong, Ampuan Yusof; Guru Besar Sekolah Melayu Senukoh, Awang Damit Tusan dan oleh Wakil penduduk2 Kampong Senukoh, Awang Matyassin bin Matyusof.

Majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Senukoh telah di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Guru Ugama Sekolah Melayu Labu, Pengiran Shahbuddin bin Pengiran Omar.

Upachara sambutan pembukaan rasmi Sekolah Melayu Senukoh telah di-mulai pada malam 7 Ogos dengan mengadakan pertunjukan wayang gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei; persembahan Malam Aneka Warna dan Mukun.

**PANCHARAGAM P.G.G.M.B.**

Pancharagam Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, di-bawah pimpinan Awang Mohamed Sum bin Hashim telah bermain di-temasha Malam Aneka Warna tersebut.

Di-antara penyanyi2 yang telah memperdengarkan suara mereka di-temasha tersebut ia-lah Awang Damit Tusan (Guru Besar Sekolah Melayu Senukoh), anak2 beliau dan penyanyi2 Pancharagam P.G.G.M.B.

Pada petang 8 Ogos pula telah di-adakan satu temasha sokan. Sambutan pembukaan Sekolah tersebut di-akhiri dengan persembahan Mukun pada malam 8 Ogos.



"SELAMAT DATANG KAMI UCHAPKAN — KAPADA IBU-BAPA, TUAN2 SEKALIAN. KERANA SUDI DATANG MERA'IKAN — PEMBUKAAN SEKOLAH YANG DI-ADAKAN." Demikian kata Guru Besar Sekolah Melayu Senukoh, Awang Damit Tusan dalam uchapan beliau di-majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Senukoh baru2 ini. Gambar di-penjuru atas kanan: Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Puasa bin Tudin kelihatan merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Senukoh. Sekolah itu telah di-bina pada 16 Jun, 1964 dan di-buka dengan rasmi-nya pada 8 Ogos, 1964. Gambar bawah: Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara tersebut. Dalam gambar ini kelihatan di-antara para hadirin di-majlis itu.

## TEMASHA MALAM GEMBIRA ANJORAN P.P.B. DI-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang pada masa ini berhutang di-Tanah Ayer akan mempersembahkan satu temasha Malam Gembira bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam 30 Ogos, 1964.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan2 Sharahan, Membacha Sajak, Menyanyi dan Tarian2.

Peraduan Sharahan itu terbuka kapada 4 Bahagian, ia-itu Bahagian2 Murid2 Sekolah Melayu, Murid2 Bukan Melayu, Orang2 Dewasa Melayu dan Orang2 Dewasa Bukan Melayu.

Tajok2 Sharahan ada-lah sa-peri di-bawah ini :

(a) Orang Melayu dengan Bahasa Melayu.

(b) Sebab2 Bahasa Melayu di-jadikan Bahasa Rasmi di-Brunei dan

(c) Chara2 memperkembangkan Bahasa Melayu di-Brunei.

Peraduan Membacha Sajak terbuka kapada 2 Bahagian, ia-itu Bahagian2 Murid2 Sekolah dan Orang2 Dewasa.

Peraduan Menyanyi terbuka kapada 4 Bahagian, ia-itu Bahagian2 Murid2 Sekolah Melayu, Murid2 Bukan Melayu, Orang2 Dewasa Melayu dan Orang2 Dewasa Bukan Melayu.

Peraduan Tarian2 pula terbuka hanya kapada Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China di-Bandar Brunei sahaja.

Para peserta yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut di-minta mengembalikan borang2 permohonan sa-beleum 20 Ogos, kapada Setiausaha2 peraduan2 yang berkenaan saperti di-bawah ini :

Peraduan2 Sharahan dan Membacha Sajak: Setiausaha-nya ia-lah Awang Ahmad Hussain, d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Peraduan Menyanyi: Setiausaha-nya ia-lah Awang Nohi bin Awang Damit, d/a Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Peraduan Tarian: Setiausaha-nya ia-lah Chegu Dayang Siti binti Yusof Khan, d/a Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentuk untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Jawatan Kuasa itu mengandungi : Pengerusi — Awang Abdul Latiff Hamid. Penolong Pengerusi — Awang Abdul Rahim Latiff. Setia Usaha — Awang Hurairah bin Haji Mohamed Taha. Penolong S.U. Bakar bin Haji Ahmad. Beberapa orang lagi telah di-lantek menjadi anggota2 Jawatan Kuasa tersebut.

## CHERAMAH MENGENAI IMIGRESEN

BERAKAS. — Pengawal Imigresen Negara, Brunei, Awang Ja'afar bin Haji Mohamed Daud berkata bahawa Pegawai2 di-Pejabat Imigresen dalam Negeri Brunei akan bersedia memberi sabarang pertolongan kapada orang ramai yang berkehendakkan pertolongan itu pada sa-tiap masa.

Awang Ja'afar telah berkata sa-demikian ketika memberi cheramah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada pagi 13 Ogos, 1964.

Dalam cheramah-nya itu, beliau telah memberi penerangan berkenaan dengan perkara2 yang bersangkut paut dengan masalah2 Imigresen dan taraf kera-ayatan.

Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin telah memimpin majlis tersebut. Ramai pensharah2 dan penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei telah hadir di-majlis itu.

Sa-lepas cheramah-nya, beberapa orang penuntut dan sa-orang pensharah maktab tersebut telah mengemukakan so'alan2 dan semua-nya itu telah di-jawab oleh Awang Ja'afar.

## 15 ORANG BUKAN MELAYU

BANDAR BRUNEI.—Satu majlis untuk menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kapada 15 orang pelajar2 bukan Melayu yang telah lulus dalam Pepereksaan Tingkatan III dalam Tahun 1963 telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 1 Ogos.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh

## BAKAL JURURAWAT2 KA-U.K.

BERAKAS. — Tiga orang bekas penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria telah berlepas dari Brunei ke-England dengan kapal terbang ba-haru2 ini untuk mempelajari ilmu jururawat.

Meraka ia-lah Dayang Catherine Teo, Dayang Julia Wong Yap Ho dan Dayang Chung Kui Moi.

Yg. Mulia Datin Hajjah Salmah binti Mohamed Yusuf, ia-itu isteri kapada Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Penyampaian Sijil Darjah Dewasa, Awang Abdul Wahid bin P.H.A. Abu Bakar; Wakil Pelajar Darjah Dewasa tersebut, Awang Cheong Teck Lee dan oleh Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar.

Pelajar2 yang telah di-hadiahkan Sijil2 tersebut ia-itu 11 orang lelaki

dan 4 orang wanita ia-lah :

Awang Ang Kwang Joo dari Pejabat Odit, Brunei. Awang Anthony Chin dari Pejabat Kerja Raya, Brunei.

## DAPAT S.D.D.

nei, Awang Cheong Teck Lee dan Awang Chin Yun Sang dari Pejabat Perubatan, Brunei. Awang Christopher Chin Nyuk Foon dari Pejabat Penjara, Brunei. Awang Douglas Cheok Hock Hoi dari Pejabat Pelajaran, Brunei. Awang Jacob Thane dari Pejabat Kenderaan, Brunei.

Awang Lim Kah Tiong dan Awang Low Joon Seng dari Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei. Awang Leong Seong Cheong dan Awang Shim Chin Wee dari Pejabat Kewangan, Brunei.

Dayang Emily Chin Thin Ng dari Jabatan Imigresen, Brunei. Dayang Lorna Chin Mui Kuang dari Pejabat Kewangan, Brunei. Dayang Kueh Guat Hong dari Ibu Pejabat Pulis, Brunei dan Dayang Shirley Yee Ai Foh dari Pejabat Pentadbir Kewangan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.



# Kekalkan tradisi, budaya Puak Murut melalui aktiviti menyumpit

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Ihsan Kelab Sukan Sumpit Lun Tau

**KELAB** Sukan Sumpit Lun Tau (KSSLT) merupakan sebuah kelab yang baru ditubuhkan pada tahun 2023 dengan tujuan utama untuk memperkenalkan dan mempromosikan peralatan tradisional sumpit kepada generasi muda Puak Murut Brunei. Penubuhan kelab ini merupakan satu usaha murni dalam memastikan alat tradisi ini tidak luput ditelan zaman. KSSLT mendapat kelulusan rasmi dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan pada 13 September 2023.

Sejak ditubuhkan, KSSLT telah menarik seramai 27 ahli yang terdiri daripada 21 lelaki dan lima wanita dan terbuka kepada semua individu yang menetap di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berusia 12 tahun ke atas tanpa mengira jantina. Dengan fokus pada penyertaan pelbagai lapisan masyarakat, KSSLT bertujuan untuk mengekalkan tradisi dan budaya Puak Murut melalui aktiviti menyumpit.

## Objektif

KSSLT bukan sekadar sebuah kelab sukan, tetapi juga merupakan sebuah platform untuk melestarikan tradisi sumpit yang telah lama menjadi sebahagian daripada budaya Puak Murut Brunei. Antara objektif utama kelab ini adalah untuk :

- Memelihara alat tradisi sumpit dalam kalangan generasi muda Puak Murut

Brunei

- Mengerakkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli melalui aktiviti sihat
- Meningkatkan semangat kesukuan, kepantasan dan disiplin dalam kalangan ahli
- Menyertai dan mempromosikan sukan menyumpit di peringkat antarabangsa
- Memperkenalkan cara pembuatan dan penggunaan sumpit kepada semua peringkat generasi

## Visi, Misi

Visi KSSLT adalah untuk memastikan penggunaan alat sumpit dikekalkan dalam semua peringkat generasi Puak Murut Brunei, setanding dengan negara-negara lain yang turut mempertahankan warisan budaya mereka. Selain itu, kelab ini bercita-cita untuk menjadikan sukan menyumpit sebagai salah satu acara utama dalam sebarang pertandingan.

Misi kelab ini termasuklah usaha berterusan untuk meningkatkan kemahiran, kecekapan dan kesatuan ahli-ahlinya. KSSLT juga berhasrat untuk melahirkan bakat-bakat baharu dalam kalangan masyarakat dan menggalakkan penyertaan aktif dalam bidang sukan khususnya para belia. Dengan penyertaan yang semakin bertambah, kelab ini juga berharap dapat menerapkan amalan hidup sihat melalui aktiviti sukan dan memperluaskan potensi bakat sukan dalam kalangan generasi muda.

## Aktiviti kelab

Sejak penubuhannya, KSSLT telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk memperkenalkan serta mempromosikan sukan menyumpit. Antara aktiviti tersebut termasuklah :

- Mini Festival sempena Mesyuarat Ke-55 ASEAN-COCAI
- Hari Keluarga Kampung Negalang Temburong
- Lawatan daripada Delegasi Kementerian Pertahanan
- Festival Hari Keluarga SMSH Bangar, Temburong
- DARAT Family Day 2023
- Pertandingan menyumpit sempena River Rafting di Long Tengua, Lawas, Sarawak
- Hari Keluarga Kampung Senukoh
- Pertandingan Menyumpit, Kampung Senukoh
- Lawatan Pesuruhjaya Tinggi Australia
- Pertandingan Menyumpit, Kampung Amo
- Pertandingan Menyumpit Pesta Nuba Laya, Limbang, Sarawak
- Hari Keluarga Persatuan Veteran ABDA Ke-32 Tahun
- Pertandingan Menyumpit anjuran Persatuan Lun Bawang Sarawak di Lawas
- Pertandingan Menyumpit, Kampung Selapon

Melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ini, ahli-ahli kelab bukan sahaja dapat mempertingkatkan kemahiran masing-masing tetapi juga membantu meningkatkan taraf hidup penduduk setempat melalui peluang perniagaan kecil-kecilan semasa

pertandingan diadakan.

## Perancangan seterusnya

KSSLT bercadang untuk terus memperluaskan pengaruhnya dengan merancang pelbagai pertandingan menyumpit di seluruh NBD, termasuk di Daerah Temburong. Selain itu, kelab ini juga merancang untuk mengadakan jerayawara ke setiap daerah dalam NBD bagi memperkenalkan dan mempromosikan sukan tradisional ini kepada masyarakat umum.

## Harapan

KSSLT berharap agar sukan menyumpit dapat dikenangkan dalam acara-acara sukan yang dianjurkan oleh pihak berkenaan di masa hadapan. Kelab ini juga berharap agar jumlah ahli akan terus meningkat dan seterusnya membantu dalam usaha melestarikan warisan budaya Puak Murut Brunei dan memperkenalkan sukan menyumpit kepada dunia.

## Penutup

Dengan pelbagai perancangan dan aktiviti yang telah dan akan dijalankan, KSSLT berada di landasan yang betul untuk mencapai misinya. Kelab ini bukan sahaja menjadi pemangkin dalam usaha memelihara budaya tradisional tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan komuniti melalui semangat kesukuan dan perpaduan.



# KARNIVAL TINGKATKAN PENGETAHUAN MENGENAI ISU KESIHATAN KRITIKAL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**TUNGKU LINK,** Selasa, 27 Ogos. - Dalam meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan strok dan mendidik pelbagai topik kesihatan, sekumpulan pelajar perubatan Tahun 3 Universiti Brunei Darussalam (UBD) iaitu SPARK (Kesedaran Pencegahan Strok dan Pengetahuan Pemulihan) menganjurkan cara Karnival Kesihatan bertempat di Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan,

Darussalam (UBD) iaitu SPARK (Kesedaran Pencegahan Strok dan Pengetahuan Pemulihan) menganjurkan cara Karnival Kesihatan bertempat di Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan,



**KARNIVAL** Kesihatan bertujuan untuk memupuk semangat kemasyarakatan sambil meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai isu kesihatan kritis (kiri dan bawah kiri).

universiti berkenaan, hari ini.

Acara yang dibuka kepada orang ramai bermula hari ini hingga 27 Ogos 2024 menyediakan pelbagai aktiviti bermaklumat dan sumber kesihatan yang berharga.

Karnival Kesihatan juga menampilkan beberapa siri aktiviti menarik, termasuk permainan pendidikan di mana pengunjung boleh menguji pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan pencegahan strok dan isu kesihatan lain.

Selain permainan, terdapat juga petak kesedaran kesihatan yang menawarkan maklumat mengenai topik penting seperti sindrom down, pemeriksaan kanser payudara, pengambilan gula yang sihat, gangguan sendi rahang dan kesedaran kaviti dan gula.

Para pengunjung juga berpeluang merakam kenangan karnival mereka di gerai foto dan menikmati pelbagai pilihan makanan dan minuman lazat yang disediakan oleh para vendor di lokasi berkenaan.

SPARK mengalu-alukan orang ramai berkunjung ke acara unik itu bagi mendapatkan pandangan berharga dalam mengekalkan gaya hidup sihat dan mencegah strok.

Karnival Kesihatan bertujuan untuk memupuk semangat kemasyarakatan sambil meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai isu kesihatan kritis. Acara Karnival Kesihatan selama dua hari itu dibuka bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

## 2 kesalahan didapati di bawah Perintah Pekerjaan 2009

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



**BAHAGIAN** Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 191/2024 (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Ogos. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 191/2024 pada 22 Ogos lalu, bertujuan untuk

menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dilaksana bagi kegiatan menjual barang-barang perabot di kawasan

Jalan Muara mendapat dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan kepada pekerja tempatan iaitu Bab 39(2) gagal membayar bayaran kerja lebih masa dan di bawah Bab 71 gagal memberikan cuti tahunan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti majikan hendaklah membayar gaji kerja lebih masa yang bekerja melebihi lapan jam sehari dan pekerja berhak diberikan cuti tahunan bergaji selepas tiga bulan bekerja dengan majikan yang sama.



## Akibat memiliki barang tegahan kastam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Ogos. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman denda terhadap seorang lelaki warganegara Indonesia atas dua pertuduhan.

Majistret, Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman denda terhadap Nurfaiz, 47 tahun, di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 kerana memiliki barang-barang tegahan kastam, iaitu rokok pelbagai jenis.

Mengikut pertuduhan pertama, defendant memiliki 1,638 karton rokok, 48 paket dan 25 batang rokok pelbagai jenis, wang BND3,976.04 dan SGD0.80 dan dua unit telefon bimbit.

Defendant dijatuhi hukuman denda mahkamah sebanyak BND1,547,040 atau 36 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda berkenaan.


Manakala bagi tuduhan kedua pula, defendant memiliki 82 karton dan lima paket rokok pelbagai jenis dan didenda sebanyak BND73,833 atau 17 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan.

Defendant telah ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Daerah Brunei dan Muara di rumah pekerja di kawasan Jalan Pangkalan Batu.

Se semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Manakala, wang tunai terlibat berjumlah BND3,976.04 dan SGD0.80 berserta dua unit telefon bimbit terlibat dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

**PenggunaBijak**



Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# BOLING MUHIBAH ERATKAN SILATURAHIM



ANTARA yang menyertai Boling Muhibah anjuran Badan Sukan Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) yang diadakan antara Ahli-ahli PEKERTI dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BERAKAS**, Isnin, 26 Ogos. - Satu acara Boling Muhibah anjuran Badan Sukan Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) diadakan antara Ahli-ahli PEKERTI dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) baru-baru ini di Golden Bowling, Airport Mall, Berakas.

Hadir ke acara berkenaan selaku tetamu kehormat majlis,

isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejaz Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, iaitu Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini, selaku Yang Di-Pertua BAKTI.

Turut hadir ialah isteri Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali, iaitu Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman, selaku Yang Di-Pertua

PEKERTI.

Acara Boling Muhibah berkenaan bertujuan untuk menggalakkan Ahli-ahli PEKERTI dan BAKTI untuk bersuui kenal dan mengeratkan silaturahim yang sedia ada.

## Pasukan 3B'z juara Kejohanan Bola Jaring Daerah Temburong



**PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim** hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang (atas), manakala gambar kiri, antara aksi pada kejohanan tersebut.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

**TEMBURONG**, Isnin, 26 Ogos. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Temburong dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong (JDT), Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam dan Belia Permata Hijau mengadakan Kejohanan Bola Jaring Daerah Temburong sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Temburong, bertempat di Dewan Serbaguna, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan perlawanan separuh akhir dan akhir berkenaan, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Johan bagi kejohanan berkenaan ialah Pasukan 3B'z yang berjaya menewaskan

Pasukan Lun Tau dengan jaringan 21 - 8. Manakala Pasukan Beginners dan Pasukan Beez Netterz masing-masing menduduki tempat ketiga bersama.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Johan menerima wang tunai BND300 berserta trofi kejohanan, manakala naib johan menerima wang tunai BND200, sementara tempat ketiga menerima wang tunai BND100 bagi setiap pasukan.

Terdahulu pada sebelah pagi, kejohanan dimulakan dengan perlawanan persahabatan di antara Pasukan JBS dengan Pasukan JDT dan perlawanan dimenangi oleh Pasukan JBS.

Sejurus selepas itu, kejohanan diteruskan dengan perlawanan liga kumpulan, dengan pasukan-pasukan yang menduduki dua tangga teratas setiap kumpulan mara ke peringkat separuh akhir yang berlangsung pada sebelah petang.

Sebanyak lapan pasukan bertanding pada kejohanan berkenaan yang terdiri daripada pasukan yang berasal dari Daerah Temburong, iaitu mengandungi 10 pemain dan seorang pengurus dalam setiap pasukan.

Kejohanan bertujuan untuk memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78, di samping mendukung visi dan misi JBS, memperkembangkan sukan bola jaring di Daerah Temburong, sekali gus sebagai platform untuk mengenal pasti bakat pemain yang berpotensi untuk dikembangkan bagi mewakili kejohanan peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.





ePaper Pelita Brunei



# KEPULANGAN ATLET E-SPORTS NEGARA DISAMBUT MERIAH



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara (atas), manakala gambar bawah kanan, Jurulatih Pasukan e-Sports Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi temasya SUKMA Ke-21 berkenaan, Awang Haji Amirul Rashid bin Haji Othman.

**BERAKAS**, Isnin, 26 Ogos. - Pasukan e-Sports mengukir sejarah tersendiri apabila berjaya menyumbang pingat emas kedua negara pada temasya Sukan Malaysia Kali Ke-21 (SUKMA XXI), 2024 di Kuching, Sarawak.

Jurulatih Pasukan e-Sports Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi temasya SUKMA Ke-21 berkenaan, Awang Haji Amirul

Rashid bin Haji Othman ketika ditemui berkata, kontinjen negara telah pun membuat persiapan secara intensif selama dua bulan sebelum temasya SUKMA bermula.

"Kami sangat bersyukur kerana dapat mengharumkan nama negara dengan meraih pingat melalui sukan e-Sports ini.

"Kontinjen negara telah berjaya

mengumpul jumlah kutipan mata secara keseluruhan sebanyak 168 mata, diikuti dengan Negeri Johor di tempat kedua dengan kutipan 135 mata, manakala Negeri Selangor pula berada di tempat ketiga dengan kutipan 132 mata," katanya.

Terdahulu, Kontinjen NBD yang terdiri daripada Chef de Mission, Pegawai Urus Setia, Pegawai

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Perhubungan, Fisioterapi, jurulatih dan atlet sukan e-Sports serta jurulatih dan atlet sukan catur telah kembali ke NBD selepas berada di Kuching, Sarawak bagi mengikuti temasya SUKMA XXI.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberi ucapan tahniah ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, serta pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan.

Pasukan e-Sports negara berjaya meraih satu pingat emas melalui Awang Muhd Safwan Hakimi bin Abdullah Husaini, Awang Muhd Danial Hadhrami Safiuddin bin Muhammin, Awang Muhd Danish Haqeeeme Hizami bin Muhammin, Awang Mohammad

Hadif Fadhl bin Sufari dan Awang Md. Awie Azhar bin Hamzah dalam acara PUBG Mobile.

Edisi SUKMA kali ini, Kontinjen NBD berjaya membawa pulang dua pingat emas melalui sukan wushu dan e-Sports, dua pingat perak melalui sukan karate dan tiga pingat gangsa yang diraih melalui sukan wushu, karate dan taekwando.

Kontinjen NBD buat pertama kalinya berjaya meraih dua pingat emas di sepanjang penyertaan di temasya SUKMA dan ini merupakan pencapaian yang terbaik setakat ini sejak penyertaan kontinjen negara pada 1996.



## Bertukar pandangan, berkongsi pengalaman sesama ahli



Berita dan Foto : Ihsan Kelab Benzer Brunei Darussalam

**SERASA**, Isnin, 26 Ogos. - Seramai 10 Ahli Kelab Benzer Brunei Darussalam baru-baru ini bertolak ke Labuan, bagi memenuhi jemputan sempena Hari Ulang Tahun Ke-4 Kelab Mercedes & BMW Sabah.

Acara berkenaan berlangsung di Desa Tunas Hijau, Labuan.

Rombongan diketuai oleh Yang Dipertua Kelab Benzer Brunei Darussalam, Awang Abusophian bin Haji Ismail; dan Timbalan Yang Dipertua Kelab Benzer Brunei Darussalam, Awang Asriwendey bin Haji Majid.

Acara berkenaan turut disertai empat kelab dari dua negara, iaitu Kelab Benzer Brunei Darussalam, Bimmer Generation Team Brunei (BIMMERT), Kelab Mercedes & BMW Sabah, dan Labuan Classic Benz Group.

Melalui perjumpaan berkenaan diharaskan dapat mengeratkan lagi silaturahim, bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman ahli dalam memajukan kelab masing-masing dan seterusnya mengeratkan lagi kerjasama di antara kedua-dua negara, iaitu Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

SERAMAI 10 Ahli Kelab Benzer Brunei Darussalam baru-baru ini bertolak ke Labuan, bagi memenuhi jemputan sempena Hari Ulang Tahun Ke-4 Kelab Mercedes & BMW Sabah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

HATI PERLU DIJAGA DAN DIPELIHARA DENGAN BAIK